KERATAN AKHBAR ISU-ISU INTEGRITI

UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

BERITA HARIAN
02.09.2026 (RABU)

Anggota, pegawai polis disyaki minta, terima rasuah RM14,000

Kuantan: Seorang anggota dan pegawai polis peronda ditahan kerana disyaki meminta serta menerima rasuah kira-kira RM14,000 sebagai balasan tidak mengambil tindakan ke atas beberapa pengguna Lebuhraya Pantai Timur (LPT) 2 yang melakukan kesalahan lalu lintas.

Menurut sumber, anggota lelaki berusia lingkungan 30-an itu ditahan kira-kira 5.30 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pahang.

"Siasatan awal mendapati suspek disyaki bersubahat melakukan perbuatan itu bersama seorang lagi pegawai polis peronda dari Januari hingga Julai 2026.

"Suspek dipercayai menerima wang rasuah melalui transaksi pemindahan wang ke akaun bank pihak ketiga yang dipercayai digunakan suspek," kata sumber itu.

Lelaki itu kini direman lima hari hingga 20 Ogos selepas Majistret Ellyna Othman membenarkan permohonan SPRM di Mahkamah Majistret Kuantan pagi semalam.

Sementara itu, pegawai polis peronda lelaki berusia lingkungan 30-an yang ditahan pada 11 Ogos sebelum ini disambung reman empat hari hingga 19 Ogos.

Perintah lanjutan reman dikeluarkan Majistret sama selepas permohonan reman pertama ke atas pegawai polis tersebut berakhir semalam.

Sementara itu, Pengarah SPRM Pahang Mohamad Shukor Mahmud ketika dihubungi mengesahkan penahanan kedua-dua suspek dan memaklumkan kes disiasat di bawah Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009. BERNAMA

SINAR HARIAN
03.09.2026 (KHAMIS)

Bekas menteri direman bantu siasatan isu pajakan hotel di Arab Saudi

PUTRAJAYA - Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkait laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Lembaga Tabung Haji (TH) diteruskan apabila kali ini seorang bekas menteri pula direman bagi membantu siasatan.

Lelaki berusia lingkungan 60-an yang bekas Ahli Parlimen itu direman lima hari bagi membantu siasatan berhubung isu pajakan hotel di Arab Saudi.

Perintah tahanan reman dikeluarkan oleh Majistret Ezrene Zakariah selepas membenarkan permohonan SPRM pada Rabu.

Individu berkenaan ditahan selepas hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM di sini pada Selasa dan kes disiasat mengikut Seksyen16(a)(A) Akta SPRM 2009.

Dalam laporan RCI yang didedahkan pada 29 Julai lalu, sebanyak 25 syor utama dikemukakan bagi meningkatkan ketelusan, profesionalisme dan tadbir urus institusi terbabit.

Antara syor utama yang terkandung dalam laporan RCI terbabit ialah melarang ahli politik aktif daripada menduduki Lembaga Pengarah TH bagi mengelakkan campur tangan politik.



Bekas menteri diiringi pegawai SPRM untuk prosiding reman di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur pada Selasa.

SINAR HARIAN
03.09.2026 (KHAMIS)

SPRM dedah senarai 11 tangkapan

Lapan kertas siasatan terbaharu dibuka, kebanyakan libatkan isu pelaburan bermasalah

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI dan NOOR AINON MOHAMED YUSOF

LAPORAN MUKA DEPAN

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada Rabu mendedahkan seramai 11 individu sudah direman pihaknya susulan siasatan terhadap Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Lembaga Tabung Haji (TH).

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman berkata, siasatan tersebut melibatkan lapan kertas siasatan terbaharu yang dibuka pihaknya bermula 10 Ogos lalu itu kebanyakannya melibatkan isu pelaburan bermasalah.

Selain seorang bekas menteri, mereka yang ditahan ialah bekas Pengarah Urusan TH, Pengarah Syarikat Putrajaya Perdana, bekas Pengarah Putra Perdana Construction Sdn Bhd, bekas Pengerusi TH, bekas Pengarah Putrajaya Perdana Berhad serta Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Alam Maritim Sdn Bhd.

"Turut ditahan ialah bekas Pengurus Besar Kanan Haji TH, dua orang bekas Pengurus Besar Kanan Bahagian Korporat Kewangan dan Perkhidmatan TH, serta bekas Penasihat Undang-Undang TH," katanya dalam sidang akhbar di Ibu Pejabat SPRM di sini pada Rabu.

Abd Halim berkata, lapan isu dibangkitkan iaitu dakwaan salah guna kuasa dan penyelewengan pelaburan TH dalam TH Marine, TH-Alam dan TH Alam Management berjumlah RM334.2 juta selain pelaburan TH dalam Alfareeda Residential Fund berjumlah Saudi Riyal 76 juta.

Selain itu, katanya, ia membabitkan pelaburan dan pajakan TH dalam Al-Rawda Real Estate Development & Project Management Co Ltd di Makkah dan Madinah berjumlah Saudi Riyal 2.49 bilion.

"Isu lain antaranya pembayaran bonus RM2.2 juta tanpa kelulusan Lembaga Pengarah di TH Properties Sdn Bhd, dakwaan rasuah dalam TH Heavy Engineering (THHR) dan TH berhubung dengan penyerahan aset-aset TH kepada Urusharta Jamaah Sdn Bhd (UJSB) bernilai RM804.1 juta," ujar beliau.

Abd Halim berkata, daripada jumlah tangkapan tersebut, enam individu sudah direman.

"Bagaimanapun tiada sebarang sitaan barangan berharga atau pembekuan akaun dilakukan kecuali sitaan beberapa dokumen yang berkaitan.

"Selain tangkapan, seramai 130 orang saksi telah dipanggil bagi dirakam percakapan," katanya.

Tambah beliau, sejak pasukan khas SPRM ditubuhkan pada 31 Julai lalu bagi menyiasat isu TH, seramai 18 individu sudah ditahan dan 11 orang dikenakan tahanan reman, manakala 245 saksi telah dipanggil bagi membantu siasatan.

"SPRM telah memasuki sebanyak 60 buah premis bagi mendapatkan dokumen-dokumen berkaitan dengan 14 kertas siasatan yang dibuka," katanya.

11 INDIVIDU YANG SUDAH DITAHAN BAGI MEMBANTU SIASATAN SETAKAT INI

1. Bekas menteri berusia 65 tahun.
2. Bekas Pengarah Urusan TH berusia 61 tahun.
3. Pengarah Syarikat Putrajaya Perdana berusia 59 tahun.
4. Bekas Pengarah Putra Perdana Construction Sdn Bhd berusia 61 tahun.
5. Bekas Pengerusi TH berusia 60 tahun.
6. Bekas Pengarah Putrajaya Perdana Berhad berusia 69 tahun.
7. Ketua Pegawai Operasi Alam Maritim Sdn Bhd berusia 67 tahun.
8. Bekas Pengurus Besar Kanan Haji TH berusia 65 tahun.
9. Bekas Pengurus Besar Kanan Bahagian Korporat Kewangan dan Perkhidmatan TH berusia 58 tahun.
10. Bekas Pengurus Besar Kanan Bahagian Korporat Kewangan dan Perkhidmatan TH berusia 59 tahun.
11. Bekas Penasihat Undang-Undang TH berusia 60 tahun.

SINAR HARIAN
03.09.2026 (KHAMIS)

VVIP dijangka didakwa minggu hadapan

PUTRAJAYA - Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Abd Halim Aman tidak menolak kemungkinan seorang kenamaan yang pernah direman akan dituduh di mahkamah pada minggu hadapan.

Beliau berkata, individu tersebut akan didakwa selepas siasatan terbaharu SPRM dalam isu pajakan hartanah dalam pelaburan Al Rawda di Arab Saudi selesai.

"Saya tidak menolak kemungkinan seorang VVIP akan didakwa dalam kes berkenaan. Kita akan umumkan nanti," katanya dalam sidang akhbar di Ibu Pejabat SPRM di sini pada Rabu.

Sementara itu, Abd Halim Aman berkata, dua kertas siasatan susulan pendedahan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Lembaga Tabung Haji (TH) dicadang pertuduhan pada Khamis dan Jumaat.

"Bagi siasatan di peringkat awalan, terdapat enam isu dibangkitkan di dalam laporan RCI yang telah dirujuk kepada pihak kami oleh pihak TH untuk siasatan. Antaranya melibatkan dakwaan rasuah dalam pembelian ladang sawit, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam penyewaan restoran di Kuala Lumpur, pengubahsuaian rumah serta pejabat serta dakwaan pemalsuan dokumen pembekalan anak benih getah," katanya.

Bagi enam isu tersebut, katanya, tujuh individu sudah ditahan terdiri daripada bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) TH Plantation, bekas ketua pegawai kewangan (CFO) TH Plantation, bekas pengurus Lapangan Semaian Tan Kedah, Pengarah AG Reka Sdn Bhd, bekas Timbalan Pengurus Besar Pembinaan TH Properties Sdn Bhd, bekas pengurus Safety and Health TH Properties serta bekas Pengarah TH Properties.

Ujar beliau, enam kertas siasatan sudah lengkap dan dihantar untuk kajian Timbalan Pendakwa Raya.

"Tiga pertuduhan akan dibuat di Mahkamah Shah Alam pada esok (Khamis), sementara satu pertuduhan akan dilakukan di Mahkamah Kuala Lumpur, Jumaat ini.

"Empat lagi kertas siasatan diklasifikasi sebagai tiada tindakan lanjut (NFA)," katanya.



SINAR HARIAN
03.09.2026 (KHAMIS)

Tujuh kertas siasatan dibuka, 12 individu dipanggil

KRONOLOGI ISU FELDA

27 Julai 2026
- Felda kini didakwa menanggung kerugian hampir RM10 bilion akibat salah urus serta campur tangan politik yang berlebihan, sekali gus memaksa kerajaan menanggung beban kewangan yang besar setiap tahun.

16 Ogos 2026
- Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mendedahkan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim menitahkan agar siasatan dan tindakan pembersihan tatakelola diperluas ke atas institusi lain termasuk Felda sebaik urusan membabitkan TH diselesaikan.

21 Ogos 2026
- Anwar menegaskan siasatan berhubung isu membabitkan TH dan Felda perlu dilaksanakan secara menyeluruh bagi memastikan setiap kesimpulan dapat dikenal pasti sebelum tindakan susulan diambil.

23 Ogos 2026
- Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menegaskan audit forensik perlu dibuat bagi mengenal pasti dalang yang mengakibatkan Felda menanggung kerugian hampir RM10 bilion.

25 Ogos 2026
- Anwar memberitahu cadangan audit forensik terhadap pengurusan Felda akan dibawa ke mesyuarat Kabinet untuk dibincangkan.

2 September 2026
- SPRM membuka tujuh kertas siasatan berhubung dakwaan penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah membabitkan pelaburan Felda serta anak syarikatnya, Felda Investment Corporation Sdn Bhd (FIC).

Siasatan rangkumi penyelewengan, salah guna kuasa, rasuah libatkan pelaburan Felda, anak syarikat

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI dan NOOR AINON MOHAMED YUSUF

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuka tujuh kertas siasatan berkaitan dakwaan penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah yang dikaitkan dengan urusan pelaburan Felda serta anak syarikatnya, Felda Investment Corporation Sdn Bhd (FIC).

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman berkata, siasatan berkenaan dijalankan menerusi operasi khas berskala besar dikenali sebagai OPS FELLA.

Menurutnya, operasi itu meneliti urusan transaksi pelaburan dan pengambilalihan aset yang dibuat pihak pengurusan Felda dan FIC sepanjang tempoh 10 tahun, bermula 2010 hingga 2020.

Katanya, daripada jumlah itu, sebanyak enam kertas siasatan baharu sudah dibuka pada 24 Ogos lalu, manakala satu lagi kertas siasatan lama yang masih aktif dan sedang menjalani proses Bantuan Perundangan Bersama (MLA).

"Enam kertas siasatan baharu itu dibuka membabitkan isu pembelian dan pelaburan aset pada harga yang melebihi nilai penilaian sebenar, sekali gus dipercayai menyebabkan kerugian dialami oleh pihak Felda secara keseluruhannya," katanya dalam sidang akhbar di ibu Pejabat SPRM Putrajaya pada Rabu.



FOTO: MOHD NAIM ABDUL WAHID

Abd Halim dalam sidang akhbar di Putrajaya pada Rabu.

> Kami merasakan elok dan wajar untuk Felda melantik (pasukan) forensik audit mereka sendiri bagi melakukan kerja-kerja audit dalam isu ini."
>
> - Abd Halim

Abd Halim berkata, antara perkara yang diberi perhatian dalam siasatan itu termasuk urusan pelaburan membabitkan Syarikat Tataran Aras Sdn Bhd di Limbang, Sarawak.

Selain itu, SPRM turut meneliti pengambilalihan Grand Borneo Hotel Sdn Bhd di Sabah serta pembelian Grand Plaza Service Apartments yang terletak di London.

Menurutnya, siasatan juga meliputi penubuhan Felda Wellness Corporation Sdn Bhd, urusan pengambilalihan Felda House dan Grand Felda House serta dugaan penyelewengan dalam pembangunan Projek Kuala Lumpur Vertical City (KLVC).

"Satu kertas siasatan lama yang masih belum ditutup dan kini dalam proses MLA membabitkan hartanah Park City Grand Plaza turut diteliti semula secara selari, menjadikan keseluruhan kes yang dikaji beroperasi di bawah tujuh kertas siasatan.

"Bagaimanapun, jumlah keseluruhan nilai rasuah yang dipercayai terbabit masih belum dapat dikenal pasti kerana siasatan masih di peringkat awal," katanya.

Abd Halim menambah, setakat ini seramai 12 individu telah dipanggil untuk membantu siasatan.

Menurutnya, mereka yang dipanggil terdiri daripada Lembaga Pengarah FIC, Setiausaha FIC, Bahagian Perundangan FIC, juru nilai, firma guaman, pegawai Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Kuala Lumpur serta pegawai Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) Kuala Lumpur.

"Keterangan kesemua individu berkenaan dirakam susulan enam kertas siasatan baharu dibuka.

"Siasatan berkenaan dijalankan Bahagian Operasi Khas (BOK) yang diketuai Datuk S Karunanithy, susulan maklumat yang diterima SPRM pada 24 Ogos lalu," katanya.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan beberapa individu akan ditahan secara berperingkat bermula minggu depan berhubung dakwaan berkenaan.

Dalam pada itu, Abd Halim menyarankan Felda melantik pasukan forensik audit sendiri untuk melaksanakan kerja-kerja audit berhubung isu berkaitan tadbir urus dan salah laku dalam agensi itu.

Katanya, pasukan forensik yang dilantik mempunyai kewibawaan untuk melaksanakan tindakan tersebut selain dapat membantu SPRM menjalankan penyiasatan.

"Kami merasakan elok dan wajar untuk Felda melantik (pasukan) forensik audit mereka sendiri bagi melakukan kerja-kerja audit dalam isu ini.

"Bagi kerja-kerja penyiasatan yang lainnya, terdapat agensi-agensi (penguatkuasaan lain) selain daripada SPRM yang boleh membantu. Siasatan ini tidak hanya dijalankan SPRM sahaja," katanya.

BERITA HARIAN
03.09.2026 (KHAMIS)

Isu RCI TH

Bekas Ketua Pegawai Operasi TH dijadual didakwa hari ini

Pendakwaan babitkan pertuduhan di mahkamah Shah Alam, KL dan Kelantan

Oleh Ilah Hafiz Aziz, Rahmat Khairulrijal Rahmat dan Essa Abu Yamin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas Ketua Pegawai Operasi (COO) Lembaga Tabung Haji (TH), Datuk Adi Azuan Abdul Ghani, dijadual dihadapkan untuk pendakwaan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Sesyen Shah Alam, hari ini.

Berdasarkan senarai kes pendakwaan yang dikeluarkan mahkamah, Adi Azuan dijadualkan menghadapi pertuduhan di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen, Awang Kerisnada Awang Mahmud, dalam prosiding yang ditetapkan pada jam 9 pagi. Bagaimanapun bentuk pertuduhan tidak dinyatakan dalam senarai kes itu.

Terdahulu dalam sidang media di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman, berkata beberapa individu yang sebelum ini ditahan untuk siasatan susulan pendedahan Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) TH akan mula dihadapkan untuk pendakwaan di mahkamah hari ini dan esok.

Individu pertama

Pada masa sama, seorang kenamaan dijangka menjadi individu pertama dihadapkan ke mahkamah selepas siasatan terbaharu SPRM berhubung isu pajakan hartanah oleh TH dalam pelaburan Al Rawda di Arab Saudi selesai.

Abd Halim berkata, pendakwaan yang dibuat hari ini membabitkan pertuduhan di mahkamah Shah Alam, Kuala Lumpur dan Kelantan.

"Dua pertuduhan membabitkan penyalahgunaan kuasa mengikut Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan Seksyen 420 Kanun Keseksaan, kerana menipu.

"Terdapat juga satu lagi kertas siasatan akan dikemukakan kepada Peguam Negara akan didakwa minggu hadapan, selepas siasatan terbaharu SPRM dalam isu pajakan hartanah dalam pelaburan Al Rawda iaitu pajakan hotel di Makkah dan Madinah membabitkan Saudi Riyal, SAR2.49 billion," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat SPRM di sini, semalam.

Abd Halim tidak menolak kemungkinan kertas siasatan yang dijangka didakwa pada minggu hadapan itu, membabitkan golongan kenamaan serta pernah direman SPRM sebelum ini.

Beliau berkata secara keseluruhan, SPRM membuka 14 kertas siasatan berkaitan RCI TH dengan empat daripadanya diklasifikasikan sebagai Tiada Tindakan Lanjut (NFA).

"Setakat ini sebanyak 18 individu ditahan dengan 11 daripadanya ditahan reman, selain itu kita memanggil 245 saksi serta memeriksa dan menggeledah 60 premis, bagi mendapatkan dokumen berkaitan," katanya.

Beliau berkata, dua lagi kertas siasatan yang sudah dirujuk kepada Pejabat Peguam Negara (AGC) dalam tempoh terdekat ini adalah daripada lapan kertas terawal yang dibuka SPRM dalam penelitian RCI TH.

"Kes pertama berkaitan kes TH Marine, TH Alam dan TH Alam Management dengan nilai pelaburan berjumlah RM334.2 juta. Kes kedua yang selesai adalah berkaitan dakwaan rasuah dalam pemilikan saham sebanyak 30 peratus oleh Lembaga TH dalam Syarikat Pembinaan Putrajaya Perdana Berhad," katanya.

Abd Halim menjelaskan, dalam enam kertas siasatan awal, sebanyak dua kes dicadangkan dituduh bermula hari ini dan esok.

Katanya, bagi kes pertama, empat pertuduhan akan dibuat iaitu tiga pertuduhan di Mahkamah Shah Alam, pada hari ini dan satu lagi pertuduhan di Mahkamah Kuala Lumpur pada esok.

"Untuk kertas siasatan kedua pula akan ada 10 pertuduhan iaitu pada 3 September sebanyak enam pertuduhan di Mahkamah Kuala Lumpur di bawah Seksyen 109 dan 409 Kanun Keseksaan.

"Empat pertuduhan lagi akan dibuat di Mahkamah Sesyen Kelantan dalam waktu terdekat mengikut Seksyen 109 dan 409 Kanun Keseksaan," katanya.

Katanya, baki empat kertas siasatan yang lain tiada sebarang cadangan pertuduhan dibuat dan ia diklasifikasikan sebagai tiada tindakan lanjut (NFA).



Sebahagian daripada tangkapan yang dibuat oleh SPRM dalam siasatan susulan pendedahan laporan RCI TH, baru-baru ini. (Foto fail NSTP)

BERITA HARI
03.09.2026 (KHAMIS)

Jamil Khir konsisten bantu siasatan: Peguam

Putrajaya: Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Jamil Khir Baharom, yang ditahan reman selama lima hari bermula semalam oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sentiasa memberikan kerjasama kepada pihak penyiasat sejak 2018.

Peguamnya, Datuk Hamidi Mohd Noh, berkata Jamil Khir secara konsisten membantu pihak penyiasat dan tidak pernah gagal memberikan kerjasama sepanjang tempoh berkenaan.

"Beliau ditahan untuk membantu siasatan dan beliau sentiasa memberikan kerjasama.

"Dari 2018 sehingga kini, Datuk Seri Jamil sentiasa memberikan kerjasama. Beliau tidak pernah gagal memberikan kerjasama," katanya kepada pemberita selepas prosiding reman di Mahkamah Majistret di sini semalam.

Terdahulu, Majistret Putrjaya, Ezrene Zakariah, mengeluarkan perintah reman lima hari terhadap Jamil Khir sehingga 6 September ini selepas membenarkan permohonan SPRM.

Jamil Khir tiba di mahkamah pada jam 10.26 pagi dengan memakai baju lokap berwarna jingga dan diiringi pegawai SPRM.

Beliau dibawa ke mahkamah menggunakan van SPRM sebelum diiringi masuk ke dalam bangunan mahkamah.

Jamil Khir ditahan kira-kira jam 4.30 petang kelmarin selepas hadir ke Ibu Pejabat SPRM di sini untuk memberikan keterangan.

Penahanan itu berkaitan siasatan membabitkan pajakan hotel di Arab Saudi serta isu yang dibangkitkan dalam laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berkaitan Lembaga Tabung Haji (TH).

Kes itu disiasat mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009, berkaitan kesalahan meminta atau menerima suapan sebagai dorongan atau ganjaran dalam sesuatu urusan.

Jika sabit kesalahan, individu terbabit boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan yang terbabit atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, mengikut Seksyen 24 akta sama.

Laporan RCI berkaitan TH yang didedahkan kepada umum pada 29 Julai lalu memperincikan kelemahan dalam pengurusan dan operasi dana haji berkenaan bagi tempoh antara 2014 hingga 2020.



Jamil Khir tiba di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.
(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

BERITA HARIA
03.09.2026 (KHAMIS)

SPRM buka tujuh kertas siasatan seleweng pelaburan FELDA, FIC

Penyiasatan khas berskala besar ada tangkapan seawal minggu hadapan

Oleh Tiah Hafiz Aziz
dan Essa Abu Yamin
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuka tujuh kertas siasatan berhubung isu penyelewengan, salah guna kuasa dan perlakuan rasuah membabitkan pelaburan FELDA serta anak syarikatnya, FELDA Investment Corporation Sdn Bhd (FIC).

Pada masa sama, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman, berkata akan ada tangkapan seawalnya minggu hadapan.

Beliau berkata penyiasatan khas berskala besar yang dinamakan Ops Fella itu menumpukan kepada transaksi pelaburan serta pengambilalihan aset oleh pengurusan FELDA dan FIC dalam tempoh 10 tahun iaitu antara 2010 hingga 2020.

Katanya, daripada jumlah itu, sebanyak enam kertas siasatan baharu dibuka pada 24 Ogos lalu, manakala satu lagi adalah kertas siasatan lama yang masih aktif dan sedang menjalani proses Bantuan Perundangan Bersama (MLA).

"Enam kertas siasatan baharu itu dibuka membabitkan isu pembelian dan pelaburan aset pada harga yang melebihi nilai penilaian sebenar, sekali gus dipercayai menyebabkan kerugian pihak FELDA secara keseluruhannya," katanya dalam sidang akhbar di Ibu Pejabat SPRM, di sini semalam.

Abd Halim berkata kertas siasatan berkenaan merangkumi isu pelaburan Syarikat Tataran Aras Sdn Bhd yang berpusat di Limbang, Sarawak; pengambilalihan Grand Borneo Hotel Sdn Bhd di Sabah serta pembelian Grand Plaza Service Apartments di London.

"Siasatan turut difokuskan kepada penubuhan Felda Wellness Corporation Sdn Bhd, pengambilalihan Felda House dan Grand Felda House serta dugaan penyelewengan dalam pembangunan Projek Kuala Lumpur Vertical City (KLVC).

"Satu kertas siasatan lama yang masih belum ditutup dan kini dalam proses MLA membabitkan hartanah Park City Grand Plaza turut diteliti semula secara selari, menjadikan keseluruhan kes yang dikaji beroperasi di bawah tujuh kertas siasatan," katanya.



Abd Halim pada sidang media di Putrajaya, semalam.
(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

12 individu sudah dipanggil

Tambahnya, SPRM sudah memanggil 12 individu bagi membantu penyiasatan serta merakam kenyataan.

"Mereka terdiri daripada tiga individu Ahli Lembaga Pengarah FIC, seorang setiausaha FIC, dua individu Bahagian Perundangan FIC, seorang jurunilai, tiga individu daripada firma guaman, seorang pegawai Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Kuala Lumpur serta seorang pegawai Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Kuala Lumpur.

"Tidak dapat dinafikan akan ada beberapa tangkapan dalam masa terdekat ini dan ia dijangka bermula seawal awal minggu hadapan.

"Nilai rasuah keseluruhan masih dalam proses dikenal pasti memandangkan siasatan masih di peringkat awal," katanya.

Dalam pada itu, Abd Halim berkata, SPRM turut menerima maklumat daripada Pengerusi Pertubuhan Badan Bertindak Generasi FELDA (PBBGF) berhubung kebimbangan kualiti anak benih sawit serta pelaksanaan program tanam semula di Felda Palong 7, Negeri Sembilan yang membabitkan manfaat kira-kira 450 peneroka.

"Laporan susulan itu dibuat selaras dengan ketetapan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mahu setiap kelemahan dan ketirisan di dalam pengurusan FELDA ditangani sepenuhnya.

"Pihak pengurusan FELDA juga wajar untuk melantik firma audit forensik sendiri. FELDA mempunyai peruntukan dan kewibawaan, jadi eloklah mereka melantik audit forensik sendiri bagi membantu pihak kami menjalankan penyiasatan," katanya.

Katanya, SPRM berharap semua pihak memberikan ruang bagi pihaknya menjalankan penyiasatan yang lengkap, adil serta profesional berlandaskan prinsip kedaulatan undang-undang.

"Diharapkan tidak ada pihak membuat sebarang spekulasi atau andaian yang boleh menjejaskan kelancaran proses penyiasatan yang sedang dijalankan," katanya.

BERITA HARI
03.09.2026 (KHAMIS)

Syor lantik pasukan audit forensik sendiri

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyarankan FELDA melantik pasukan audit forensik sendiri untuk melaksanakan audit terhadap isu berkaitan tadbir urus dan salah laku yang dikesan dalam agensi itu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman, juga mencadangkan agensi penguat kuasa lain meneliti kepincangan yang dikesan berlaku untuk memastikan usaha pencegahan salah laku dan penyelewengan berterusan.

"Kami merasakan elok dan wajar untuk FELDA melantik (pasukan) audit forensik mereka sendiri bagi melakukan kerja audit dalam isu ini.

"Pasukan ini mempunyai kewibawaan untuk melaksanakan tindakan (untuk FELDA) dan membantu pihak kami menjalankan penyiasatan.

"Dan bagi kerja penyiasatan yang lainnya, terdapat agensi (penguatkuasaan) selain daripada SPRM yang boleh membantu. Siasatan ini tidak hanya dijalankan SPRM sahaja," katanya dalam sidang media, di sini semalam.

Mengenai isu peruntukan kepada bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pakatan Harapan Negeri Sembilan, Abdul Halim berkata kelulusan sesuatu peruntukan oleh kerajaan sebelum pembubaran DUN tidak menimbulkan sebarang isu, dengan syarat ia tidak menyanggah Perlembagaan serta undang-undang yang berkuat kuasa.

Katanya, kerajaan yang masih berkuasa sebelum pembubaran DUN mempunyai kuasa untuk membuat dasar serta mengumumkan peruntukan.

"Kerajaan yang berkuasa dan memerintah boleh membuat apa sahaja dasar asalkan ia tidak menyanggah undang-undang dan Perlembagaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas sama ada SPRM akan menjalankan siasatan terhadap dakwaan peruntukan RM180,000 disalurkan kepada wakil rakyat PH sehari sebelum pembubaran DUN Negeri Sembilan.

Mengulas lanjut, Abd Halim berkata, sekiranya peruntukan itu benar-benar diumumkan sehari sebelum pembubaran DUN, kerajaan ketika itu masih sah dan mempunyai kuasa untuk membuat dasar serta keputusan berkaitan peruntukan.

"Keadaan berbeza sekiranya peruntukan atau dasar baharu dibuat selepas DUN dibubarkan ketika kerajaan berada dalam tempoh kerajaan sementara," katanya.

Mengenai isu saksi dalam kes bekas Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan dikatakan meninggal dunia, Abdul Halim berkata SPRM tidak boleh mendedahkannya kerana ia sulit.

Beliau berkata kedudukan kertas siasatan termasuk berkaitan saksi yang meninggal dunia atau tidak hanya diketahui pegawai penyiasat SPRM.



Agensi beri kerjasama kepada proses siasatan

Kuala Lumpur: FELDA tidak akan berkompromi terhadap perbuatan rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa serta pelanggaran undang-undang yang boleh menjejaskan kepentingan peneroka dan institusi itu.

FELDA dalam kenyataannya, berkata pihaknya menghormati sepenuhnya proses siasatan yang sedang dijalankan.

Katanya, FELDA mengambil maklum mengenai laporan berhubung siasatan SPRM membabitkan lembaga itu dan anak syarikat kumpulannya.

"FELDA menghormati sepenuhnya proses siasatan yang sedang dijalankan dan akan terus memberi kerjasama penuh kepada SPRM supaya siasatan dilaksanakan secara telus, adil dan menyeluruh.

"Sehubungan itu, FELDA menyeru semua pihak supaya menghormati proses siasatan berkenaan," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (GCEO) Felda Investment Corporation Sdn Bhd (FIC), Syed Fadil Syed Sofi, juga mengulangi komitmen untuk memberikan kerjasama kepada SPRM.

"Sudah tentu FIC akan memberi kerjasama penuh kepada pihak SPRM," katanya ketika dihubungi, semalam.

BERITA HARIA
04.09.2026 (JUMAAT)

Kes pecah amanah dan rasuah

Norliza didakwa lagi babit wang haram RM13.4 juta

Mahkamah benarkan permohonan dua kes dibicarakan secara bersama

Kuala Lumpur: Seorang pengarah syarikat pelaburan yang didakwa atas pertuduhan pecah amanah, sekali lagi dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam atas 10 pertuduhan menerima wang berjumlah RM13.4 juta hasil aktiviti haram.

Datuk Norliza Tajudin, 54, mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Suzana Hussin.

Wanita itu didakwa menerima hasil daripada aktiviti haram berjumlah RM13.4 juta menerusi cek dan pindahan dalam talian daripada akaun bank milik syarikat Energy Eco Bhd.

Wang itu didakwa dipindahkan ke akaun bank peribadinya serta akaun milik syarikat Aura Emas Trading Sdn Bhd dengan Norliza ialah pengarah syarikat tersebut.

Kesalahan didakwa dilakukan di tiga cawangan bank di Taman Setiawangsa, Wangsa Melawati dan Bangsar di sini antara 1 Februari 2021 hingga 2 Februari 2024.

Semua pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 4(1) akta sama.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum 15 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai hasil semasa kesalahan dilakukan atau RM5 juta atau mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Sebutan kes 29 Oktober

Pada prosiding itu, Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Qistini Qamarul Abrar memohon mahkamah mengguna pakai jaminan RM100,000 berserta syarat tambahan yang ditetapkan dalam kes pecah amanah dihadapi Norliza sebelum ini.



Norliza mengaku tidak bersalah di atas 10 pertuduhan terima wang haram RM13.4 juta. (Foto fail NSTP)

"Pihak pendakwaan turut memohon supaya kes dibicarakan bersama dengan kes sebelum ini (pecah amanah) di mahkamah ini," katanya.

Peguam Datuk Gobinath Mohanna yang mewakili Norliza tidak membantah permohonan itu.

Suzana membenarkan permohonan untuk dua kes itu dibicarakan secara bersama.

"Atas persetujuan pihak-pihak, mahkamah membenarkan permohonan pendakwaan supaya jaminan terdahulu serta syarat tambahan diguna pakai dalam kes ini," katanya.

Kes ditetapkan untuk sebutan semula pada 29 Oktober.

Pada 11 Mei, Norliza bersama-sama bekas Pengerusi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr Mohd Daud Bakar mengaku tidak bersalah atas tujuh pertuduhan pecah amanah berjumlah RM10.55 juta.

Mahkamah membenarkan mereka diikat jamin RM100,000 setiap seorang dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah sehingga kes selesai, dilarang mengganggu saksi pendakwaan dan melapor diri kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) setiap bulan.

BERNAMA

SINAR HARIAN
04.09.2026 (JUMAAT)

Bekas pengurus anak syarikat TH didakwa pecah amanah

Berjumlah RM72,000 babitkan projek cadangan pembangunan kompleks pejabat di Putrajaya

KUALA LUMPUR - Bekas Pengurus Keselamatan dan Kesihatan THP Bina Sdn Bhd didakwa di Mahkamah Sesyen pada Khamis atas tiga pertuduhan melakukan pecah amanah wang hasil kutipan penalti berjumlah RM72,000 membabitkan projek cadangan pembangunan kompleks pejabat di Putrajaya.

Nasahruddin Ahmad, 56, mengaku tidak bersalah selepas ketiga-tiga pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Rosli Ahmad.

THP Bina Sdn Bhd ialah anak syarikat milik penuh TH Properties Sdn Bhd (yang merupakan anak syarikat Lembaga Tabung Haji), berfokus dalam bidang pembinaan dan pengurusan projek.

Nasahruddin sebagai Pengurus Keselamatan dan Kesihatan syarikat itu yang diamanahkan wang hasil kutipan penalti ke atas kontraktor iaitu syarikat Fourth Wave Sdn Bhd berjumlah RM72,000 didakwa melakukan pecah amanah dengan memasukkan wang tersebut ke dalam akaunnya.

Wang hasil kutipan penalti itu membabitkan projek cadangan pembangunan kompleks pejabat di Putrajaya.

Dia didakwa melakukan kesalahan tersebut di Kompleks Islam Putrajaya, Presint 3, Putrajaya antara 26 April 2013 hingga 12 Ogos 2015, mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun serta dengan sebat dan boleh dikenakan denda, jika sabit kesalahan.

Hakim Rosli membenarkan Nasahruddin diikat jamin RM50,000 dengan seorang penjamin atas semua tiga pertuduhan, berserta syarat tambahan melapor diri di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Putrajaya sebulan sekali, menyerahkan pasport sehingga kes selesai serta tidak mengganggu saksi pendakwaan.

LAPORAN MUKA DEPAN

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Irna Julieza Maaras berkata, kesalahan mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan merupakan kesalahan yang tidak boleh dijamin, namun mahkamah mempunyai budi bicara untuk membenarkan jaminan.

"Sekiranya mahkamah membenarkan jaminan, pihak pendakwaan mencadangkan jumlah jaminan RM70,000 bagi ketiga-tiga pertuduhan.

"Pihak pendakwaan turut mencadangkan tiga syarat tambahan iaitu tertuduh perlu melaporkan diri di pejabat SPRM berhampiran pada setiap bulan, menyerahkan pasport kepada mahkamah sehingga kes selesai serta tidak mengganggu atau menghubungi mana-mana saksi yang berkemungkinan terlibat dalam kes berkenaan," katanya.



Nasahruddin (kanan) didakwa atas tiga pertuduhan melakukan pecah amanah wang hasil kutipan penalti berjumlah RM72,000.



Tengku Kamarolhisham mengaku tidak bersalah atas tiga pertuduhan bersubahat dengan Nasahruddin.

Peguam, Muhammad Naqib Aiman Mohd Faizal mewakili Nasahruddin berkata, jaminan RM70,000 yang dicadangkan pihak pendakwaan itu tinggi, memandangkan anak guamnya yang berniaga kedai makan dengan pendapatan kira-kira RM3,000 sebulan, menanggung empat anak berusia antara 21 hingga 26 tahun selain mempunyai penyakit darah tinggi serta *slipped disc*.

Selain itu, Muhammad Naqib Aiman berkata, beliau dimaklumkan bahawa walaupun kes itu melibatkan TH, namun ia tidak melibatkan wang masyarakat tetapi wang saman terhadap pihak kontraktor.

Sementara itu, di hadapan Hakim Azura Alwi, bekas Timbalan Pengurus Besar TH Properties Sdn Bhd yang juga bekas Timbalan Pengurus Besar THP Bina Sdn Bhd, Tengku Kamarolhisham Tengku Kamaruddin, 55, mengaku tidak bersalah atas tiga pertuduhan bersubahat melakukan perbuatan sama di tempat dan masa sama.

Mengikut pertuduhan pertama hingga ketiga, lelaki itu didakwa bersubahat dengan mengarahkan Nasahruddin memasukkan RM72,000 tersebut dalam akaun bank Nasahruddin.

Irna Julieza menawarkan jaminan RM70,000 dengan seorang penjamin untuk kesemua tiga pertuduhan berserta syarat tambahan sama seperti yang dimohon bagi kes Nasahruddin.

Muhammad Naqib Aiman yang mewakili tertuduh memohon jaminan lebih rendah atas alasan anak guamnya yang kini bekerja sebagai peniaga, menanggung enam orang anak berusia antara 13 dan 29 tahun.

Hakim Azura membenarkan Tengku Kamarolhisham diikat jamin RM45,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah sehingga kes selesai selain tidak dibenarkan mengganggu saksi pendakwaan.

Mahkamah kemudian menetapkan 5 Oktober untuk sebutan semula kes.

Sebelum ini, SPRM memperoleh perintah reman terhadap 11 individu bagi membantu siasatan kes mengenai Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) TH.

Antara yang telah direman termasuk bekas Pengerusi TH, bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), bekas menteri serta beberapa pengurusan kanan dan individu berkait syarikat berkaitan. - *Bernama*

BERITA HAI
07.09.2026 (ISNIN)

2 termasuk bekas pengarah besar FELDA ditahan SPRM

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan dua individu, termasuk seorang bergelar Datuk yang juga bekas pengarah besar FELDA kerana disyaki terbabit dalam penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah.

Kedua-dua individu lelaki berusia dalam lingkungan 60-an dan 50-an ditahan kira-kira jam 4 petang semalam ketika hadir memberikan keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

Suspek dipercayai terbabit dalam kegiatan itu dalam pelantikan syarikat pemaju bagi projek di Kuala Lumpur.

Sumber berkata, kedua-dua individu itu juga disyaki terbabit dalam urusan penjualan tanah milik badan berkanun itu kepada syarikat yang ada kepentingan dengan syarikat pemaju.

"Siasatan mendapati perbuatan itu dilaksanakan tanpa pengetahuan ahli lembaga pengarah dan anak syarikat," katanya dalam kenyataan, di sini semalam.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu.

Beliau berkata, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009.

Katanya, kedua-dua suspek akan dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya hari ini bagi mendapatkan perintah reman.

Minggu lalu, SPRM membuka tujuh kertas siasatan berhubung dakwaan penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah membabitkan FELDA serta anak syarikatnya, FELDA Investment Corporation Sdn Bhd (FIC).

Abd Halim berkata, penyiasatan khas berskala besar yang dinamakan sebagai OPS FELLA itu bertumpu kepada transaksi pelaburan serta pengambilalihan aset oleh pihak pengurusan FELDA dan FIC dalam tempoh 10 tahun, iaitu antara tahun 2010 hingga 2020.

Daripada jumlah itu, enam kertas siasatan baharu sudah dibuka pada 24 Ogos lalu, manakala satu lagi ialah kertas siasatan lama yang masih aktif dan sedang menjalani proses Bantuan Perundangan Bersama (MLA).

Abd Halim berkata, kertas siasatan berkenaan merangkumi isu pelaburan Syarikat Tataran Aras Sdn Bhd yang berpusat di Limbang, Sarawak; pengambilalihan Grand Borneo Hotel Sdn Bhd di Sabah serta pembelian Grand Plaza Service Apartments di London.

"Siasatan turut difokuskan kepada penubuhan FELDA Wellness Corporation Sdn Bhd, pengambilalihan FELDA House dan Grand FELDA House serta dugaan penyelewengan dalam pembangunan Projek Kuala Lumpur Vertical City (KLVC).

"Satu kertas siasatan lama yang masih belum ditutup dan kini dalam proses MLA membabitkan hartanah Park City Grand Plaza turut diteliti semula secara selari, menjadikan keseluruhan kes yang dikaji beroperasi di bawah tujuh kertas siasatan," katanya.

BERITA HARIAN
07.09.2026 (ISNIN)

SPRM diarah siasat kelewatan agihan baja kepada pesawah

Kerajaan kena kenal pasti punca, ambil tindakan kepada syarikat bertanggungjawab

Oleh Hakim Mahari dan Fairul Asmaini Mohd Pilus
bhnews@bh.com.my



Anwar melawat reruai pameran pada majlis penutupan MAHA 2026 di MAEPS, Serdang, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

Serdang: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat proses berkaitan kelewatan pengagihan baja kepada pesawah di Kedah.

Perdana Menteri berkata, kelewatan itu menjejaskan pesawah yang sudah menyuarakan kebimbangan dan menyerahkan memorandum kepadanya.

Beliau berkata, kerajaan perlu mengenal pasti punca kelewatan, termasuk syarikat yang dipertanggungjawabkan mengagihkan baja dan sama ada syarikat terbabit memenuhi tanggungjawabnya.

"Kita perlu tahu apa puncanya. Syarikat mana yang diberi tanggungjawab, adakah mereka menunaikan janji atau tidak.

"Jika tidak, mengapa tiada tindakan terhadap mereka," katanya berucap pada majlis penutupan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2026, di sini, semalam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, tindakan penguatkuasaan perlu diambil jika perlu, termasuk membawa pihak yang bertanggungjawab ke mahkamah atau mendakwa mereka.

"Jika perlu dibawa ke mahkamah, bawa ke mahkamah. Jika perlu didakwa, biarlah SPRM masuk dan menjalankan siasatan," katanya.

Anwar berkata, beliau sudah mengarahkan SPRM menyiasat perkara berkenaan dan meneliti proses terbabit kerana rekod Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) adalah baik.

Beliau berkata, kelewatan membabitkan bantuan pertanian amat serius kerana petani dan pesawah sudah berdepan pelbagai cabaran, termasuk masalah cuaca dan air.

"Jangan biarkan perkara ini menjadi isu yang lebih membebankan mereka. Mereka sudah berdepan masalah cuaca dan air, ini sesuatu yang tidak boleh kita biarkan," katanya.

Pada Januari lalu, KPKM dilaporkan sedang mengkaji semula rantaian bekalan baja bersubsidi susulan aduan petani mengenai kelewatan bekalan yang menjejaskan pertumbuhan tanaman dan menyebabkan mereka menanggung kos tambahan.

KPKM berkata, tempoh kontrak yang pendek sebelum ini menyebabkan gangguan bekalan apabila kontrak tamat sebelum pembekal baharu dilantik.

Reformasi dalam proses perolehan, termasuk kontrak bagi tempoh lebih panjang, kemudian dilaksanakan bagi memastikan kesinambungan bekalan.

Pada Ogos lalu, Sekretariat Penerangan Kedah Darul Aman melaporkan kelewatan bekalan baja bersubsidi, ditambah dengan kekosongan hampir tiga bulan jawatan pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), menjejaskan penanaman padi dan meningkatkan tekanan terhadap pesawah.

Ashraf berkata, sehingga 29 Jun lalu, hanya 37,560 beg Baja Sebatian Padi Tambahan 3 diterima, iaitu hanya enam peratus daripada keseluruhan keperluan sebanyak 616,015 beg.

Daripada jumlah itu, hanya 30,799 beg diagihkan, menyebabkan kekurangan dianggarkan sebanyak 160,000 beg.

Perlu batal kontrak

Dalam pada itu, Anwar berkata kerajaan perlu membatalkan kontrak syarikat yang berulang kali gagal memenuhi tanggungjawab kepada petani dan melantik syarikat baharu.

Beliau berkata, program bantuan pertanian tidak seharusnya terjejas hanya disebabkan kegagalan berulang syarikat yang diberi tanggungjawab untuk membekalkan keperluan atau menyediakan perkhidmatan.

"Kalau syarikat seperti ini berulang kali melakukan kesilapan, batalkan (kontrak). Ambil syarikat baharu, jangan jadikan petani dan pesawah sebagai mangsa, (perlu) ambil tindakan," katanya.

Perdana Menteri juga membayangkan peruntukan kepada KPKM boleh ditambah, namun menegaskan pengurusan dana awam mesti dilaksanakan dengan teliti serta telus.

Katanya beliau tiada masalah untuk meningkatkan peruntukan kepada kementerian berkenaan kerana bantuan itu akan memberi manfaat secara langsung kepada petani, pesawah, pengusaha ladang dan nelayan.

Anwar berkata, Kerajaan MADANI menekankan soal tata kelola dan tadbir urus yang baik kerana peruntukan yang besar itu mesti diuruskan dengan sebaiknya.

Kerajaan tiada pilihan dan demi menyelamatkan nasib petani, pesawah serta nelayan semua, pengurusan perlu dijalankan dengan baik.

BERITA HARI
08.09.2026 (SELASA)

Isu penjualan tanah milik FELDA

'Datuk' bantu siasatan isu lantik pemaju projek pembangunan di KL

Dua individu termasuk bekas pengarah besar FELDA disyaki terbabit salah guna kuasa

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor
bhnews@bh.com.my



Suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam. (Foto Aizuddin Saad/BH)

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman dua individu termasuk seorang bekas pengarah besar FELDA bergelar 'Datuk' kerana disyaki terbabit dalam penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah berhubung isu penjualan tanah milik badan berkanun itu.

Suspek dipercayai dapat membantu siasatan SPRM berhubung dakwaan salah guna kuasa bagi pelantikan sebuah syarikat pemaju untuk projek pembangunan di Kuala Lumpur.

Perintah reman selama lima hari sehingga 11 September ini terhadap bekas pengarah besar berusia 60-an itu dikeluarkan oleh Majistret, Ezrene Zakariah selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya, pagi semalam.

Dalam pada itu, majistret turut membenarkan perintah reman selama tiga hari sehingga 9 September terhadap seorang lagi suspek berusia 50-an.

Proses permohonan reman bagi suspek kedua itu dijalankan di Hospital Putrajaya berikutan keadaan kesihatan suspek yang tidak mengizinkan.

Menurut sumber, kedua-dua suspek ditahan kelmarin ketika hadir memberikan keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

Buka tujuh kertas siasatan

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman ketika dihubungi mengesahkan penahanan berkenaan dan menyatakan kes akan disiasat mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009.

Minggu lalu, SPRM dilaporkan membuka tujuh kertas siasatan berhubung dakwaan penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah membabitkan FELDA serta anak syarikatnya, FELDA Investment Corporation Sdn Bhd (FIC).

Abd Halim berkata, penyiasatan khas berskala besar yang dinamakan sebagai Ops FELLA itu, menumpukan kepada transaksi pelaburan dan pengambilalihan aset oleh pengurusan FELDA dan FIC dalam tempoh 10 tahun, iaitu antara 2010 hingga 2020.

Daripada jumlah itu, enam kertas siasatan baharu dibuka pada 24 Ogos lepas, manakala satu lagi adalah kertas siasatan lama yang masih aktif dan sedang menjalani proses Bantuan Perundangan Bersama (MLA).

Kertas siasatan berkenaan merangkumi isu pelaburan Syarikat Tataran Aras Sdn Bhd yang berpusat di Limbang, Sarawak, pengambilalihan Grand Borneo Hotel Sdn Bhd di Sabah serta pembelian Grand Plaza Serviced Apartments di London.

Siasatan turut ditumpukan kepada penubuhan Felda Wellness Corporation Sdn Bhd, pengambilalihan Felda House dan Grand Felda House serta dakwaan penyelewengan dalam pembangunan Projek Kuala Lumpur Vertical City (KLVC).

Satu kertas siasatan lama yang masih belum ditutup dan kini dalam proses MLA membabitkan hartanah Park City Grand Plaza turut diteliti semula secara selari menjadikan keseluruhan kes yang dikaji beroperasi di bawah tujuh kertas siasatan.

SINAR HARIAN
08.09.2026 (SELASA)

Sinar Harian
8/9/2026
selasa

Bekas bos Felda direman lima hari

Dua individu disiasat kes penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL



Bekas Pengarah Besar Felda dibawa ke mahkamah untuk mendapatkan perintah tahanan reman.

PUTRAJAYA - Dua individu termasuk seorang lelaki bergelar Datuk yang juga bekas Pengarah Besar Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) direman bagi membantu siasatan berhubung kes penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah dalam pelantikan syarikat pemaju bagi sebuah projek di Kuala Lumpur.

Perintah reman lima hari sehingga 11 September terhadap bekas pengarah besar berusia lingkungan 60-an itu dikeluarkan Majistret Ezrene Zakariah selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengemukakan permohonan di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Isnin.

Majistret Ezrene turut membenarkan seorang lagi suspek berusia lingkungan 50-an yang mempunyai masalah kesihatan direman selama tiga hari sehingga 9 September di Hospital Putrajaya.

Kedua-dua suspek ditahan pada Ahad ketika hadir memberikan keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman ketika dihubungi mengesahkan penahanan dan perintah reman terhadap kedua-dua suspek.

Menurut beliau, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009.

Kedua-duanya disyaki terbabit dalam urusan penjualan tanah milik badan berkanun berkenaan kepada sebuah syarikat yang mempunyai kepentingan dengan syarikat pemaju tanpa pengetahuan ahli lembaga pengarah dan anak syarikat.

Minggu lalu, SPRM membuka tujuh kertas siasatan berhubung dakwaan penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah membabitkan Felda serta anak syarikatnya, Felda Investment Corporation Sdn Bhd (FIC).

Abd Halim dilaporkan berkata, penyiasatan khas berskala besar yang dinamakan Ops Fella itu memberi tumpuan kepada transaksi pelaburan dan pengambilalihan aset oleh pengurusan Felda dan FIC dalam tempoh 10 tahun antara 2010 hingga 2020.

SINAR HARIAN
08.09.2026 (SELASA)

SPRM siasat Baja 3 lambat

KUALA LUMPUR - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuka kertas siasatan berhubung kelewatan pengagihan bekalan Baja Sebatian Tambahan (Baja 3) kepada pesawah di Kedah.

SPRM dalam kenyataan memaklumkan, kertas siasatan itu dibuka oleh SPRM Kedah susulan aduan Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) pada 26 Ogos lalu.

Aduan berkaitan kelewatan pembekalan baja oleh pembekal dilantik Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), sehingga menjejaskan keperluan pesawah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) berkeluasan 100,000 hektar.



ABD HALIM

"Siasatan berhubung isu itu dilakukan oleh SPRM Kedah bagi menyiasat bukan sahaja daripada aspek jenayah, namun termasuk sebarang isu kelemahan tatakelola yang wujud sehingga berlakunya kelewatan itu," menurut kenyataan tersebut.

Setakat ini, SPRM merakam percakapan seorang saksi daripada PeSAWAH selain menerima beberapa dokumen berkaitan bagi membantu siasatan.

"SPRM menyambut baik gesaan serta keprihatinan Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) atas isu ini dan telah berhubung dengan pihak KPKM serta MADA bagi siasatan lanjut," menurut kenyataan itu pada Isnin.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman ketika dihubungi mengesahkan perkara berkenaan dan memaklumkan siasatan dibuka mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Pada Ahad, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan SPRM menjalankan siasatan berhubung isu berkenaan.

BERITA HAR
09.09.2026 (RABU)

RCI TH: Jamil Khir bebas dengan jaminan SPRM



Tempoh reman seminggu berakhir, dibebas dengan jaminan

Oleh Safeek Affendy Razali
safeek@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membebaskan bekas Menteri Hal Ehwal Agama, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, yang tempoh remannya berakhir semalam.

Beliau sebelum ini ditahan reman seminggu bagi membantu siasatan SPRM berhubung laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Tabung Haji (TH).

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman mengesahkan Jamil Khir dibebaskan dengan jaminan SPRM.

Di Johor Bahru, SPRM menahan seorang pengerusi jawatankuasa perumahan sebuah badan berkanun di negeri itu kerana disyaki terbabit meminta dan menerima rasuah RM1.6 juta.

Menurut SPRM Johor, individu terbabit didapati menyalahgunakan kuasa dengan memperdaya pemohon tanah kerajaan dalam urusan permohonan lot tapak perumahan.

"Suspek lelaki berusia lingkungan 40-an itu ditahan jam 7.30 malam semalam (kelmarin), ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Johor.

"Siasatan awal mendapati, suspek disyaki melakukan semua perbuatan itu antara 2016 hingga 2025," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurut SPRM individu terbabit menyalahgunakan kuasa dengan meminta kira-kira RM4,000 setiap seorang daripada 400 pemohon lot tapak rumah.

Katanya, dia kemudian didakwa menyeleweng wang berkenaan untuk kegunaan sendiri melalui pengeluaran daripada akaun bank jawatankuasa terbabit menggunakan invois palsu.

Pengarah SPRM Johor, Datuk Hairuzam Mohmad Amin @ Hamim, berkata kes disiasat mengikut Seksyen 16(a) (A), Sesyen 18 dan Sesyen 23 Akta SPRM 2009.

Beliau berkata, individu terbabit akan dibebaskan dengan jaminan SPRM selepas keterangannya direkodkan.

Reman lima hari

Di Melaka, seorang pegawai kanan perubatan direman lima hari oleh SPRM bagi membantu siasatan berhubung dakwaan menyalahgunakan kedudukan dalam urusan pembekalan implan lutut bernilai kira-kira RM1.5 juta.

Perintah reman terhadap lelaki berusia lingkungan 50-an yang juga penjawat awam itu dikeluarkan Majistret Sharda Shienha Mohd Suleiman di Mahkamah Majistret Ayer Keroh, semalam.

Suspek direman sehingga 12 September ini selepas permohonan dikemukakan SPRM bagi membolehkan siasatan lanjut dijalankan.

Menurut sumber, suspek ditahan kira-kira jam 3.30 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Melaka.

Katanya, siasatan awal mendapati suspek dipercayai melakukan perbuatan berkenaan dalam tempoh 2024 hingga 2026.

2

Bekas Pengerusi TH dijangka didakwa hari ini

Kuala Lumpur: Bekas Pengerusi Lembaga Tabung Haji (TH) dijangka didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini.

Berdasarkan semakan sistem mahkamah, kes berkenaan akan disebut di hadapan Hakim Azura Alwi, pada jam 9 pagi ini.

Pada 26 Ogos lalu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan lelaki itu bagi membantu siasatan isu dibangkitkan dalam Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) TH.

HARIAN METRO
09.09.2026 (RABU)



Ditahan kes rasuah RM1.6 juta

Johor Bahru: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang pengerusi jawatankuasa perumahan badan berkanun Persekutuan di Johor selepas disyaki terbabit meminta dan menerima rasuah RM1.6 juta.

Menurut SPRM Johor, individu terbabit didapati menyalahgunakan kuasa dengan memperdaya pemohon tanah kerajaan dalam urusan permohonan lot tapak perumahan.

"Lelaki berusia 40-an itu ditahan kira-kira jam 7.30 malam (kelmarin) ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Johor.

"Siasatan awal mendapati lelaki itu disyaki melakukan semua perbuatan itu antara 2016 hingga tahun lalu," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurut kenyataan itu juga, individu terbabit menyalahgunakan kuasa dengan meminta kira-kira RM4,000 setiap seorang daripada 400 pemohon lot tapak rumah.

HARIAN METRO
09.09.2026 (RABU)



Dilepaskan dengan jaminan SPRM

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melepaskan bekas menteri yang direman bersabit isu Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Tabung Haji.

Suspek lelaki berusia 60-an itu direman tujuh hari sehingga semalam dan beliau dilepaskan sebaik tempoh reman terhadapnya tamat.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman mengesahkan perkata terbabit dan berkata, suspek dilepaskan dengan jaminan SPRM.

SINAR HARIAN
09.09.2026 (RABU)

RCI TH: Bekas menteri dilepaskan dengan jaminan SPRM

PUTRAJAYA - Seorang bekas menteri yang direman untuk siasatan berkaitan pendedahan Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Tabung Haji (TH) dilepaskan dengan jaminan pada Selasa.



ABD HALIM

Perkara itu disahkan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Abd Halim Aman.

"Beliau (bekas menteri) telah dilepaskan dengan jaminan SPRM," katanya pada Selasa.

Sebelum ini, suspek lelaki berusia 60-an itu telah direman kali pertama selama lima hari bermula 2 hingga 6 September.

Kemudian, reman dilanjutkan dua hari lagi hingga 8 September.

Bekas ahli Parlimen itu ditahan selepas memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya pada 2 September untuk disiasat di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009.

Dalam laporan RCI yang didedahkan pada 29 Julai lalu, sebanyak 25 syor utama dikemukakan bagi meningkatkan ketelusan, profesionalisme dan tadbir urus institusi terbabit.

Antara syor utama yang terkandung dalam laporan RCI terbabit ialah melarang ahli politik aktif daripada menduduki Lembaga Pengarah TH bagi mengelakkan campur tangan politik.

Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim turut bertitah supaya siasatan berhubung laporan RCI TH diteruskan sehingga ke lubang cacing.

FOTO: BERNAMA



Bekas menteri direman sehingga Selasa bagi membantu siasatan berkaitan laporan RCI TH. - Gambar fail

SINAR HARIAN
09.09.2026 (RABU)

Kutip RM4,000 setiap pemohon

SPRM Johor tahan pengerusi perumahan badan berkanun persekutuan disyaki seleweng RM1.6 juta

Oleh NOR AZURA MD AMIN

JOHOR BAHRU - Seorang pengerusi jawatankuasa perumahan sebuah badan berkanun persekutuan di Johor ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki meminta wang daripada kira-kira 400 pemohon lot tapak rumah membabitkan jumlah keseluruhan sekitar RM1.6 juta.

Suspek lelaki berusia lingkungan 40-an itu ditahan kira-kira jam 7.30 malam Isnin, ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Johor.

Menurut sumber, suspek dipercayai meminta kira-kira RM4,000 daripada setiap pemohon bagi urusan permohonan lot tapak perumahan.

"Siasatan awal mendapati kegiatan berkenaan dipercayai berlaku antara 2016 hingga 2025.

"Wang yang dikutip itu pula dipercayai diselewengkan untuk kegunaan sendiri melalui pengeluaran daripada akaun bank jawatankuasa berkenaan menggunakan invois palsu," katanya pada Selasa.

Sementara itu Pengarah SPRM Johor, Datuk Hairuzam Mohmad Amin@Hamim mengesahkan penahanan suspek dan memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 16(a)(A), Seksyen 18 dan Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

"Suspek dibebaskan dengan jaminan SPRM selepas keterangannya direkodkan," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*.

Dalam pada itu, Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan Johor, Datuk Mohd Jafni Md Shukor berkata, siasatan SPRM itu tidak melibatkan mana-mana pihak dalam pentadbiran kerajaan negeri termasuk Exco.

Beliau berkata, pihaknya menyerahkan sepenuhnya kepada SPRM untuk menjalankan siasatan secara telus, profesional serta berlandaskan undang-undang.

"Saya tidak mahu mengulas lanjut mengenai merit kes yang sedang dalam siasatan dan menyerahkan sepenuhnya kepada SPRM serta proses undang-undang.

"Untuk mengelakkan sebarang kekeliruan, siasatan kes ini tidak melibatkan mana-mana pihak dalam pentadbiran kerajaan Johor, sama ada dalam kalangan Exco atau mana-mana pegawai kerajaan negeri," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Mohd Jafni turut menegaskan tidak akan berkompromi dengan pihak yang cuba mengambil kesempatan, menipu rakyat atau menyalahgunakan kedudukan bagi mendapatkan keuntungan peribadi dalam urusan berkaitan perumahan rakyat.



HAIRUZAM

BERITA HARIAN

10.09.2026 (KHAMIS)

Bekas Pengerusi, bekas CEO TH antara lima kena tahan

Kuala Lumpur: Polis menahan lima individu, termasuk bekas Pengerusi dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Lembaga Tabung Haji (TH), kelmarin bagi membantu siasatan kes membabitkan institusi berkenaan.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Rusdi Mohd Isa, berkata daripada jumlah itu, tiga individu ditahan bagi membantu siasatan berhubung isu pembayaran hibah TH pada 2017.

"Dua lagi individu ditahan bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA)," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Beliau berkata, tangkapan turut membabitkan bekas ketua pegawai kewangan TH dan petugas masih berkhidmat dengan institusi itu, adalah tiga lelaki dan dua wanita berusia antara 48 hingga 70 tahun.

Rusdi berkata, tiga individu disiasat berhubung isu hibah dibenarkan reman dua semalam hingga hari ini, manakala dua lagi yang terbabit dalam siasatan di bawah AMLA direman tiga hari hingga 11 September dan siasatan masih diteruskan.

BERNAMA

BERITA HARIA
10.09.2026 (KHAMIS)

Tuduhan guna kedudukan dapatkan jawatan

Bekas Pengerusi TH mengaku tidak bersalah



Abdul Azeez dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

Abdul Azeez didakwa arah CEO cadangkan nama dapatkan jawatan gaji RM690,000 setahun

Oleh Dayn Chan dan Mohamad Lokman Khairi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas Pengerusi Lembaga Tabung Haji (TH), Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas tuduhan menggunakan kedudukan untuk mendapatkan jawatan pengerusi sebuah syarikat dengan gaji RM690,000 setahun, kira-kira 12 tahun lalu.

Sejurus membuat pengakuan itu, Abdul Azeez, 60, yang didakwa di hadapan Hakim Azura Alwi meminta dibicarakan.

"Saya faham (pertuduhan), tuduhan itu tidak benar sama sekali dan saya mohon dibicarakan," katanya yang memakai baju ungu lokap polis dengan tangan bergari di dalam kandang tertuduh.

Bekas Ahli Parlimen Baling berkenaan didakwa sebagai Pengerusi TH menggunakan kedudukan itu untuk mendapatkan jawatan pengerusi Putrajaya Perdana Berhad dengan saraan RM690,000 setahun serta kemudahan sebuah kereta BMW 7 Series berserta seorang pemandu tetap.

Abdul Azeez yang diwakili peguam, Datuk Amer Hamzah Arshad, didakwa mengarahkan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) TH ketika itu, Tan Sri Ismee Ismail untuk mencadangkan beliau sebagai wakil TH dalam Putrajaya Perdana Berhad.

Selain itu, meyakinkan Ahli Lembaga TH ketika Mesyuarat Lembaga Pengarah Lembaga TH Bil. 4/2014 (309) untuk bersetuju meluluskan cadangan melabur sehingga RM193.5 juta (sehingga 30 peratus modal saham terbitan sedia ada) dalam Putrajaya Perdana Berhad, yang tertuduh mempunyai kepentingan.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Bilik Mesyuarat Lembaga, Bangunan TH, Jalan Tun Razak, di sini, pada 25 Ogos 2014.

Bekas Ahli Parlimen Baling itu dituduh mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mana yang lebih tinggi.

Kes tidak boleh dijamin

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Ahmad Akram Gharib memberitahu mahkamah, pertuduhan mengikut Seksyen 23(1) Akta SPRM 2009 adalah termasuk dalam kes yang tidak boleh dijamin.

Bagaimanapun, katanya, pendakwaan menyerahkan sepenuhnya kepada budi bicara mahkamah dalam isu jaminan mengikut Seksyen 388 Kanun Tata Cara Jenayah.

"Namun, kami memohon kadar jaminan RM1 juta ditetapkan dengan dua penjamin warga tempatan yang bukan terdiri daripada ahli keluarga tertuduh, selain syarat tambahan supaya pasport diserahkan kepada mahkamah," katanya.

Seorang lagi Timbalan Pendakwa Raya, Law Chin How menghujahkan syarat penyerahan pasport adalah wajar bagi mengelakkan risiko tertuduh melarikan diri berikutan kesalahan yang dihadapi Abdul Azeez adalah serius dan membabitkan nilai tinggi.

Mahkamah kemudian membenarkan bekas Pengerusi TH itu diikat jamin RM450,000 dengan dua penjamin dan diperintah melapor diri di Pejabat SPRM Kuala Lumpur sekali setiap tiga bulan sebelum menetapkan 11 November depan untuk sebutan semula kes.

Dua individu dipercayai ahli keluarganya menjadi penjamin dan dilihat menandatangani borang bon jaminan sebelum urusan berkenaan selesai jam 2.12 petang.

Ketika disapa pengamal media, bekas Ahli Parlimen Baling itu hanya memaklumkan bahawa beliau berada dalam keadaan sihat.

Abdul Azeez sebelum ini direman selama tujuh hari, bermula 27 Ogos hingga 2 September bersama bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Mohd Irwan Serigar Abdullah bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 23(1) Akta SPRM.

Siasatan itu susulan pendedahan dalam laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berkaitan TH.

BERITA HARIAN

10.09.2026 (KHAMIS)

Abdul Azeez ditahan semula kes berkait TH

Kuala Lumpur: Bekas Pengerusi Tabung Haji (TH), Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim ditahan semula semalam bagi kes berkait TH, sejurus beliau selesai membayar ikat jamin RM450,000 untuk kes menggunakan kedudukan bagi mendapatkan jawatan pengerusi sebuah syarikat, kira-kira 12 tahun lalu.

Beliau direman dua hari selepas Penolong Kanan Pendaftar Mohamad Afiq Zuber membenarkan permohonan dibuat polis di Mahkamah Sesyen, di sini. Perintah sama turut dikeluarkan ke atas bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan bekas Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan TH.

Penahanan ketiga-tiga mereka bagi membantu siasatan polis mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan berkait kes penipuan pemberian hibah TH.

Peguam, Datuk Amer Hamzah Arshad yang mewakili bekas Ahli Parlimen Baling itu memberitahu media, Abdul Azeez, 60, perlu mematuhi perintah reman itu walaupun sudah diberikan ikat jamin RM450,000 berkait pertuduhan mengikut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Beliau akan kekal dalam tahanan polis sehingga tempoh perintah reman tamat. Selepas itu, beliau boleh dibebaskan. Jadi, apabila tempoh reman tamat esok, beliau boleh pulang ke rumah sekiranya tiada lanjutan perintah reman," katanya yang mewakili Abdul Azeez bersama peguam, Datuk Abu Bakar Isa Ramat dan Ashok Athimulan.

Tambahnya, Abdul Azeez berada dalam keadaan baik dan bersemangat, namun kecewa kerana didakwa di mahkamah sambil menyifatkan tuduhan dikenakan sebagai tidak benar, sekali gus bertekad untuk membersihkan namanya.

Usaha pihak media untuk merakam pergerakan bekas Pengerusi TH itu gagal apabila pihak polis membawa beliau masuk menerusi laluan dalam.

Laporan RCI mengenai TH yang dimuat naik melalui portal rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 29 Julai lalu, antara lain mencadangkan supaya audit forensik dijalankan untuk meneliti kaedah keputusan pelaburan lepas dibuat sehingga menyebabkan TH berdepan penurunan nilai aset yang teruk.

Laporan RCI bagi menyiasat isu pengurusan dan operasi TH dari 2014 hingga 2020 itu turut menyenaraikan pelaburan bermasalah yang memerlukan audit forensik dan mendapati wujud transaksi yang mencurigakan serta penyembunyian maklumat.

SINAR HARIAN
10.09.2026 (KHAMIS)

Abdul Azeez didakwa salah guna kedudukan

Bagi mendapatkan jawatan pengerusi di sebuah syarikat dan berkaitan pelaburan RM193.5 juta

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN dan AHMAD ISMADI ISMAIL

KUALA LUMPUR - Bekas Pengerusi Lembaga Tabung Haji (TH), Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu, terhadap pertuduhan menggunakan kedudukannya bagi mendapatkan jawatan pengerusi di sebuah syarikat dan meyakinkan Ahli Lembaga TH membuat pelaburan RM193.5 juta di syarikat sama, 12 tahun lalu.

Abdul Azeez, 60, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Azura Alwi.

"Faham, kenyataan itu tidak benar sama sekali saya mohon dibicarakan," kata bekas Ahli Parlimen Baling yang memakai baju lokap polis berwarna ungu, dalam keadaan bergari ketika berdiri di kandang tertuduh.

Mengikut pertuduhan, Abdul Azeez didakwa sebagai seorang pegawai badan awam iaitu Pengerusi Lembaga TH, telah menggunakan kedudukannya untuk suapan berupa jawatan Pengerusi Putrajaya Perdana Berhad dengan remunirasi sebanyak RM690,000 setahun serta kemudahan satu kereta jenis BMW 7 Series termasuk seorang pemandu tetap.

Bagi tujuan tersebut, Abdul Azeez didakwa mengarahkan Tan Sri Ismee Ismail selaku Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga TH ketika itu, untuk mencadangkan namanya sebagai wakil TH dalam syarikat Putrajaya Perdana.

FOTO: BERNAMA



Abdul Azeez diiringi anggota polis selepas prosiding pendakwaan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada Rabu.

LAPORAN MUKA DEPAN

Ia termasuk meyakinkan Ahli-Ahli Lembaga TH semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah Lembaga TH supaya bersetuju meluluskan cadangan untuk melabur sehingga RM193.5 juta (sehingga 30 peratus modal saham terbitan sedia ada) dalam syarikat tersebut.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Bilik Mesyuarat Lembaga, Bangunan TH, Jalan Tun Razak di sini pada 25 Ogos 2014.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum bawah Seksyen 24(1) akta sama, yang membawa hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dalam kes ini dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Ahmad Akram Gharib, Law Chin How dan 'Atirah Mohd Azuarizanuddin.

Pembelaan untuk Abdul Azeez diwakili peguam, Datuk Amer Hamzah Arshad dan Datuk Abu Bakar Isa Ramat.

Hakim membenarkan Abdul Azeez diikat jamin RM450,000 dengan dua penjamin warganegara tempatan berserta syarat tambahan melapor diri di pejabat SPRM Kuala Lumpur setiap tiga bulan sekali sehingga kes selesai.

Mahkamah menetapkan 11 November depan untuk sebutan kes bagi serahan dokumen.

Abdul Azeez, bekas CEO dan bekas ketua pegawai kewangan TH direman 2 hari

KUALA LUMPUR - Sebelum didakwa kes rasuah, bekas Pengerusi Lembaga Tabung Haji (TH), Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim direman dua hari di Mahkamah Sesyen di sini bagi membantu siasatan kes penipuan berkaitan pemberian hibah TH.

Dalam prosiding itu, selain Abdul Azeez, turut direman ialah seorang lelaki yang juga bekas Ketua Pegawai Eksekutif TH dan seorang wanita yang juga bekas Ketua Pegawai Kewangan TH.

Penolong Kanan Pendaftar, Mohamad Afiq Zuber mengeluarkan perintah itu selepas membenarkan permohonan pihak polis.

"Polis memohon perintah reman itu dengan siasatan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya.

Abdul Azeez, 60, yang memakai baju lokap polis berwarna ungu turut digari ketika dibawa ke mahkamah.

Media sebelum ini melaporkan Abdul Azeez akan didakwa di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Bekas Ahli Parlimen Baling itu sebelum ini direman selama tujuh hari, bermula 27 Ogos hingga 2 September bersama bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Mohd Irwan Serigar Abdullah bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Siasatan itu susulan pendedahan dalam laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berkaitan Tabung Haji.

SINAR HARIA
10.09.2026 (KHAMIS)

Azeez kecewa didakwa rasuah, tekad bersihkan nama - Peguam



Amer Hamzah (tengah) ketika bercakap kepada pemberita di lobi Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur pada Rabu.

KUALA LUMPUR - Bekas Pengerusi Lembaga Tabung Haji, Datuk Seri Abdul Azeez Rahim kecewa dengan pertuduhan rasuah yang dihadapinya dan bertekad untuk membersihkan nama melalui proses perundangan.

Peguamnya, Datuk Amer Hamzah Arshad berkata, keadaan Abdul Azeez ketika ini adalah baik dan beliau kekal tenang dalam menghadapi proses undang-undang yang sedang berlangsung.

"Semangat yang dipamerkan Abdul Azeez membuktikan beliau tidak sama sekali akan berputus asa dalam mempertahankan diri serta menjelaskan kedudukannya di mahkamah.

"Beliau berkeadaan baik. Semangatnya masih kuat. Cuma sudah tentu beliau berasa kecewa," katanya dalam sidang akhbar di lobi Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur di sini pada Rabu.

Terdahulu, Abdul Azeez mengaku tidak bersalah atas satu pertuduhan menggunakan kedudukan berkaitan pelaburan RM193.5 juta dalam Putrajaya Perdana Berhad, 12 tahun lalu.

Mengulas prosiding tersebut, Amer Hamzah berkata, permohonan pihak pendakwaan supaya Abdul Azeez menyerahkan pasportnya kepada mahkamah sebagai syarat tambahan jaminan disifatkan tidak wajar oleh pihak pembelaan.

"Kami juga agak hairanlah kenapa ada syarat tambahan untuk pasport diserahkan sedangkan dalam kes Datuk Seri Ismail Sabri tak ada pun rayuan dibuat oleh pihak pendakwaan apabila mahkamah tidak memerintahkan sedemikian.

"Jadi, untuk kes ini, beliau (Abdul Azeez) bukannya bekas menteri, sebaliknya *just an ordinary citizen*," katanya.

BERITA HARI
11.09.2026 (JUMAAT)

Kes RCI TH

Bekas menteri didakwa Isnin

Pendakwaan selepas dapat kebenaran Peguam Negara kemuka pertuduhan

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan seorang bekas menteri akan didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada Isnin ini.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abdul Halim, berkata pendakwaan itu berkait siasatan Laporan Suruhanjaya Diraja (RCI) Tabung Haji (TH).

Beliau berkata, pendakwaan itu dibuat selepas pihaknya memperoleh kebenaran daripada Peguam Negara hari ini untuk mengemukakan pertuduhan ke mahkamah terhadap bekas menteri berkenaan.

"Ingin saya maklumkan terdapat perkembangan baharu. Pada hari ini, pihak kami telah mendapat izin daripada pihak Peguam Negara bagi kami mengemukakan pertuduhan ke mahkamah terhadap bekas menteri.



Abdul Halim

"Pihak kami mengesyorkan tiga pertuduhan di bawah Seksyen 403 Kanun Keseksaan, iaitu kesalahan menyalahgunakan harta dengan curang.

"Kes itu diberi keizinan oleh pihak Peguam Negara bagi kami meneruskan pertuduhan. Pertuduhan akan dilakukan pada Isnin, 14 September di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur," katanya pada sidang media di ibu pejabat SPRM di sini, semalam.

Sebelum ini, media melaporkan seorang bekas menteri ditahan berkaitan isu RCI TH.

Beliau juga direman selama lima hari selepas Majistret Ezrene Zakariah mengeluarkan perintah berkenaan sehingga 6 September lalu selepas membenarkan permohonan SPRM.

Perintah tahanan reman itu disambung dua hari lagi bagi membantu siasatan SPRM sebelum dilepaskan.

BERITA HARI

11.09.2026 (JUMAAT)



Isu kelewatan bekalan Baja 3

'Menteri pun akan dipanggil'

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedia memanggil Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan Ketua Setiausaha kementerian itu, bagi menyiasat dakwaan isu kelewatan agihan baja sebatian tambahan (Baja 3) bagi pesawah di Kedah.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman, berkata pihaknya akan memanggil kedua-dua individu terbabit sekiranya ada keperluan berbuat demikian, tanpa mengabaikan prosedur ditetapkan.

"Sesiapa sahaja yang disebut terkait rapat dengan perkara yang disiasat itu. Kami tidak akan meninggalkan individu itu bagi melakukan penyiasatan.

"Bukan setakat Ketua Setiausaha (KPKM), menteri pun nanti kalau perlu kami akan panggil.

"Arahan saya kepada pegawai penyiasat ialah siasatan perlu dilakukan secara menyeluruh, tanpa meninggalkan satu bahagian sekalipun yang tidak disiasat.

"Sesiapa yang ada hubung kait dengan perkara itu membabitkan dasar, pelaksanaan, tender dan sebagainya akan dipanggil serta akan diambil keterangan bagi melengkapkan proses penyiasatan. Penyiasatan perlu adil, telus dan profesional," katanya pada sidang media di ibu pejabat SPRM di sini, semalam.

Berhubung perkembangan terkini siasatan isu kelewatan pengagihan bekalan Baja 3 di Kedah, Abd Halim berkata, 13 saksi sudah dipanggil dan direkam kenyataan.

Katanya, ia membabitkan Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), empat pegawai Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan lapan kakitangan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

Katanya, siasatan awal mendapati sebuah syarikat sepatutnya membekalkan 616,015 beg baja sepanjang musim.

Bagaimanapun setakat September lalu, hanya 333,655 beg baja dibekalkan, kekurangan 282,360 beg.

"Fokus dan tindakan lanjut SPRM memfokuskan siasatan di bawah Seksyen 18, Akta SPRM 2009, iaitu tuntutan palsu.

"SPRM akan melaksanakan analisis kewangan ke atas akaun syarikat berkaitanserta merekodkan percakapan pegawai dan penerima baja di 23 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

"SPRM juga akan meneliti sebarang isu kelemahan tatakelola dari setiap aspek yang menjadi punca kelewatan pembekalan baja itu," katanya.

BERITA HAR
12.09.2026 (SABTU)

Isu kelewatan bekalan Baja 3

'Saya belum dipanggil SPRM'

Mohamad, kementerian sedia beri kerjasama bantu siasatan

Oleh Mukhriz Mat Husin
mukhriz.husin@bh.com.my

Kuala Lumpur: Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu belum dihubungi oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung siasatan kelewatan pembekalan bekalan baja di Kedah.

Mengesahkan perkembangan itu, Mohamad bersedia memberi kerjasama bagi membantu siasatan kes berkenaan bersama dengan kementeriannya.

Beliau menyerahkan sepenuhnya kepada SPRM untuk menjalankan siasatan dan memastikan segala perkara berkaitan isu itu diteliti secara menyeluruh.

"Setakat ini, saya belum dipanggil. Sekiranya diperlukan, saya dan kementerian bersedia memberikan kerjasama penuh kepada pihak berkuasa.

"Tiada apa yang perlu disembunyikan dan kami terbuka untuk membantu sebarang siasatan," katanya ketika dihubungi semalam.



> Setakat ini, saya belum dipanggil. Sekiranya diperlukan, saya dan kementerian bersedia memberikan kerjasama penuh kepada pihak berkuasa

Mohamad Sabu,
Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan

SPRM sedia panggil menteri

Sebelum ini, SPRM dilaporkan sedia memanggil menteri dan ketua setiausaha kementerian berkaitan sekiranya perlu bagi membantu siasatan berhubung dakwaan kelewatan pengagihan bekalan baja sebatian tambahan (Baja 3) kepada kira-kira 60,000 pesawah di Kedah.

Ketua Pesuruhjayanya, Datuk Seri Abd Halim Aman berkata, arahan sudah dikeluarkan supaya siasatan dijalankan secara menyeluruh merangkumi semua pihak yang mempunyai kaitan dengan aspek dasar, pelaksanaan serta proses tender pembekalan baja berkenaan.

Setakat ini, seramai 13 saksi sudah dipanggil dan dirakam kenyataan merangkumi Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), empat pegawai Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), dan lapan kakitangan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

Siasatan kes berkenaan dibuka pada 26 Ogos lalu berkait dakwaan kegagalan syarikat pembekal baja, TaaVeeKun Manufacturing Sdn Bhd (Taaveekun) yang dilantik oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk membekal, menghantar dan mengedar Baja Paid 3 bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) di kawasan MADA.



Sebahagian baja sudah diserahkan kepada pesawah sejak Isnin lalu.
(Foto Wan Nabil Nasir/BH)

Kawasan itu membabitkan keluasan 100,000 hektar untuk keperluan tanaman pada Musim 1 dan 2 tahun ini, bagi tempoh masa satu tahun yang membabitkan seramai 60,000 pesawah.

BERITA HAR
14.09.2026 (ISNIN)

Bekas menteri dijangka hadapi tiga tuduhan berkaitan RCI TH

Perbicaraan Program Jana Wibawa turut jadi tumpuan kes berprofil tinggi

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pendakwaan baharu susulan Laporan Akhir Suruhanjaya Diraja (RCI) Lembaga Tabung Haji (TH) antara beberapa kes berprofil tinggi yang akan menjadi tumpuan prosiding mahkamah sepanjang minggu ini.

Antaranya pendakwaan terhadap seorang bekas menteri di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur hari ini berhubung siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkaitan RCI TH.

Individu terbabit dijangka berdepan tiga pertuduhan mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksaan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.

Setakat Khamis lalu, empat individu sudah didakwa di mahkamah, manakala beberapa lagi termasuk bekas pengurusan kanan TH direman bagi membantu siasatan.

Mereka yang sudah didakwa ialah bekas Pengerusi Lembaga TH, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim yang mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, atas tuduhan guna kedudukan untuk mendapatkan jawatan pengerusi syarikat dengan gaji RM690,000, 12 tahun lalu pada Rabu lalu.

Selain itu, bekas Pengurus Keselamatan dan Kesihatan THP Bina Sdn Bhd, Nasahruddin Ahmad serta bekas Timbalan Pengurus Besar TH Properties Sdn Bhd, Tengku Kamarolhisham Tengku Kamaruddin, yang juga bekas Timbalan Pengurus Besar THP Bina Sdn Bhd.

Bicara Muhyiddin disambung

Sementara itu, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menetapkan akan menyambung perbicaraan bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang menghadapi tujuh pertuduhan berkaitan Program Jana Wibawa.

Prosiding itu dijadual didengar di depan Hakim Noor Ruwena Md Nurdin.

Muhyiddin, 79, yang ketika kejadian ialah Perdana Menteri dan Presiden BERSATU, berdepan empat pertuduhan menggunakan kedudukannya untuk suapan berjumlah RM225.3 juta bagi parti itu daripada empat syarikat iaitu Bukhary Equity Sdn Bhd, Nepturis Sdn Bhd, Mamfor Sdn Bhd dan KCJ Engineering Sdn Bhd serta Datuk Azman Yusoff, berkaitan Projek Jana Wibawa.

Beliau didakwa melakukan perbuatan itu di Pejabat Perdana Menteri, Bangunan Perdana Putra di Putrajaya antara 1 Mac 2020 dan 20 Ogos 2021 mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, yang memperuntuk hukuman maksimum penjara 20 tahun dan denda lima kali nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Ahli Parlimen Pagoh itu turut berdepan tiga pertuduhan menerima wang hasil daripada aktiviti haram berjumlah RM200 juta daripada Bukhary Equity Sdn Bhd, yang dimasukkan ke akaun AmBank dan CIMB Bank milik Bersatu di Petaling Jaya dan Kuala Lumpur antara Februari 2021 dan Julai 2022.

Dalam pada itu, nasib pelajar lelaki yang didakwa membunuh seorang pelajar perempuan berusia 16 tahun di sebuah sekolah menengah di Bandar Utama tahun lalu akan diketahui, selepas Mahkamah Tinggi Shah Alam menetapkan hari ini bagi keputusan kes.

SPRM sahkan Jamil Khir didakwa hari ini

Kuala Lumpur: Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Jamil Khir Baharom, dijangka didakwa hari ini berhubung kes berkait Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Lembaga Tabung Haji (TH).

Berdasarkan sistem mahkamah, beliau akan dihadapkan di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen Rosli Ahmad pada jam 9 pagi hari ini.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 10 September lalu, mengesahkan seorang bekas menteri akan didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, hari ini.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman, berkata pendakwaan itu membabitkan kes berkait Laporan RCI TH, selepas pihaknya memperoleh kebenaran Peguam Negara, untuk mengemukakan pertuduhan.

Pada sidang media di ibu pejabat SPRM itu, beliau dilaporkan berkata pihaknya mengesyorkan tiga pertuduhan mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksaan, iaitu kesalahan menyalahgunakan harta dengan curang.

Sebelum ini, media melaporkan seorang bekas menteri ditahan SPRM berkaitan isu Laporan RCI TH.

Beliau direman lima hari hingga 6 September lalu selepas Majistret Ezrene Zakariah membenarkan permohonan SPRM.

BERITA HARIAN
18.09.2026 (JUMAAT)

Anggota tentera didakwa sepak anak usia 5 tahun

Tertuduh mengaku tidak bersalah, sebutan semula kes 22 Oktober

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@nstp.com.my

Kota Bharu: Seorang anggota tentera didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan menganiaya dengan menyepak anak bongsu perempuannya berusia lima tahun di sebuah kedai makan di sini, Jumaat lalu.

Tertuduh berusia 40 tahun itu mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Zulkifli Ablah.

Lelaki itu didakwa menganiaya kanak-kanak perempuan berusia lima tahun tiga bulan di sebuah kedai makan di Jalan Kuala Krai, di sini, jam 10.55 malam Jumaat lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 31(1) akta sama, yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara sehingga 20 tahun atau kedua-duanya sekali.



Tertuduh dibawa ke Mahkamah Sesyen Kota Bharu, semalam. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Lelaki sepak anak di kedai makan di Telipot diburu



Keratan akhbar BH, Isnin lalu.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Syazalia Che Suhaimin, manakala tertuduh diwakili peguam, Zuhaidie Akmal Hasan Basri.

Tidak tawar jaminan

Syazalia tidak menawarkan jaminan memandangkan mangsa adalah anak kandung tertuduh dan kes dianggap serius.

Zuhaidie Akmal memohon jaminan minimum ditawarkan memandangkan anak guamnya seorang anggota tentera yang perlu menyara tiga anak dan isteri yang menghidap kanser serta sakit buah pinggang kronik.

Katanya, anak guamnya tidak mempunyai rekod dan bukan pendera terhadap keluarga sebelum ini.

Mahkamah menawarkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin, selain syarat tambahan, iaitu perlu melapor diri di balai polis berdekatan setiap dua bulan, perlu menyerahkan pasport dan tidak boleh mengganggu saksi serta mangsa.

Mahkamah turut menetapkan 22 Oktober sebagai tarikh sebutan semula kes.

BERITA HARIAN
20.09.2026 (AHAD)

Isu projek KLVC

SPRM cadang dakwa dua bekas pengurusan kanan FELDA

Kertas siasatan siap, dikemuka kepada Jabatan Peguam Negara minggu depan

Oleh Austin Camoens
dan Hafidzul Hilmi Mohd Noor
bhnews@bh.com.my



Abd Halim bersama Farrah Naz, Luqman Adrine dan peserta selepas merasmikan Program Menembak SPRM Bersama Media di Lapang Sasar Maktab Penjara Kajang, semalam.
(Foto Hari Anggara/BH)

Kajang: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mencadangkan pertuduhan terhadap dua bekas pengurusan kanan FELDA berhubung dakwaan penyelewengan dalam projek pembangunan Kuala Lumpur Vertical City (KLVC).

Ketua Pesuruhjaya SPRM Datuk Seri Abd Halim Aman, berkata kertas siasatan bagi projek berkenaan sudah siap dan akan dikemukakan syor pertuduhan kepada Jabatan Peguam Negara (AGC) minggu depan bagi mendapatkan keizinan mendakwa.

"Siasatan sudah pun selesai. Kami menyelesaikan penyiasatan terhadap projek KLVC itu melalui keterangan yang diambil daripada 30 saksi.

"Pihak kami akan memperakukan pertuduhan terhadap kedua-dua individu yang dinyatakan tadi di bawah kertas siasatan berkenaan dan mendapatkan keizinan (consent) daripada Peguam Negara.

"Sekiranya segalanya berjalan lancar dan keizinan diperoleh, pertuduhan akan difailkan di mahkamah pada minggu selepas itu," katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Menembak SPRM Bersama Media di Maktab Penjara Kajang, semalam.

Yang hadir sama, Timbalan Pengarang Urusan Kumpulan Berita dan Hal Ehwal Semasa (NCA) Media Prima Berhad, Datuk Farrah Naz Abd Karim serta Ketua Pegawai Operasi (COO) The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP), Luqman Adrine Ja'afar.

Abd Halim berkata, dua individu yang sebelum ini ditahan pada 6 September lalu adalah bekas Pengarah Besar FELDA dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif FELDA Investment Corporation Sdn Bhd (FIC).

Beliau berkata, dua individu itu direman beberapa hari sebelum dibebaskan dengan jaminan SPRM.

Namun, beliau menegaskan peranan SPRM hanya terhad kepada mengemukakan syor pertuduhan berdasarkan hasil siasatan.

"Perlu difahami di sini, pihak SPRM hanya mencadangkan sahaja hasil penyiasatan dan membuat perakuan. Sama ada untuk menuduh atau sebaliknya, ia adalah tertakluk sepenuhnya di bawah kuasa Peguam Negara," katanya.

Tujuh kertas siasatan

Mengulas perkembangan kes FELDA, Abd Halim berkata, Bahagian Operasi Khas SPRM secara keseluruhannya mengendalikan tujuh kertas siasatan membabitkan pelbagai isu pelaburan serta transaksi aset bernilai tinggi oleh FELDA dan FIC bagi tempoh 2010 hingga 2020.

Setakat kelmarin, seramai 34 saksi sudah dirakam keterangan merangkumi bekas Ahli Lembaga Pengarah, pihak pengurusan FELDA dan FIC, pegawai Jabatan Tanah dan Galian, serta jurunilai bebas.

Selain itu, beliau berkata, pegawai penyiasat SPRM sedang merakam keterangan bekas Pengerusi FELDA, Tan Sri Isa Samad, di Penjara Sungai Buloh sebagai sebahagian daripada siasatan membabitkan FELDA dan FIC.

Beliau berkata, proses merakam keterangan Isa bermula pada 17 September lalu diteruskan kelmarin dan proses berkenaan dijangka mengambil masa tiga atau empat hari lagi.

"Setakat ini, keterangan beliau sudah pun dirakam selama dua hari penuh. Proses ini akan diteruskan pada Isnin ini dan kami menjangkakan rakaman keterangan bekas Pengerusi FELDA itu akan selesai pada Khamis," katanya.

Katanya, pihaknya menyerahkan notis kepada bekas Pengerusi Lembaga Tabung Haji, Datuk Seri Azeez Abdul Rahim dan ahli keluarganya supaya mengisytiharkan harta masing-masing dalam tempoh sebulan.

Katanya, pihaknya menyerahkan notis berkenaan kepada Azeez, ahli keluarga termasuk anaknya minggu ini mengikut peruntukan undang-undang.

Beliau berkata, borang tertentu diberikan kepada pihak terbabit bagi tujuan pengisytiharan dan pelaporan harta kepada SPRM.

BERITA HAR
20.09.2026 (AHAD)

Isu kelewatan bekalan Baja 3

Menteri, KSU KPKM sudah beri keterangan

Kajang: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan sudah merakam keterangan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta Ketua Setiausaha (KSU) kementerian berkenaan bagi membantu siasatan berhubung isu penyelewengan dan kelewatan pembekalan baja di Kedah.

Ketua Pesuruhjayanya, Datuk Seri Abd Halim Aman, berkata keterangan menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu dan KSU, Datuk Isham Ishak, itu diambil pada 15 dan 16 September lalu.

"Sehingga kini, seramai 37 individu sudah dirakam keterangan bagi membantu siasatan yang dimulakan pada 26 Ogos lalu berhubung pelantikan sebuah syarikat oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

"Siasatan masih lagi berlangsung, namun ia sudah sampai ke penghujung dan dijangka dapat dimuktamadkan seminggu atau dua lagi," katanya di sini semalam.

Sebelum ini, siasatan awal SPRM mendapati sepanjang musim terbabit, sebuah syarikat sepatutnya membekalkan 616,015 beg baja, namun sehingga September ini hanya 333,655 beg baja dibekalkan, kekurangan sebanyak 282,360 beg.

Abd Halim berkata, SPRM juga bakal merakamkan beberapa orang lagi saksi bagi melengkapkan keseluruhan siasatan dan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan berkaitan kesalahan menggunakan dokumen yang diketahui atau dipercayai palsu.

Katanya, SPRM setakat ini menumpukan kepada aspek jenayah serta isu berkaitan tadbir urus.

"Memang ada elemen kriminaliti yang terbabit dan tentu sahaja isu tadbir urus. Tetapi kita ketepikan dahulu isu tadbir urus kerana kita fokus kepada aspek kriminaliti. Bagaimanapun, saya tidak boleh komen lebih daripada itu kerana penyiasatan masih lagi berlangsung," katanya.

Serah pihak berkuasa

Di **Melaka**, Mohamad mengakui beliau hadir memberi keterangan kepada SPRM selama kira-kira 30 minit.

Katanya, keterangan itu diberikan selepas dipanggil SPRM dan beliau menjawab semua soalan yang dikemukakan sebelum menyerahkan perkara selanjutnya kepada pihak berkuasa.

"Ya, selesai. Saya dipanggil untuk memberi keterangan, saya pergilah memberi keterangan. Kejap sahaja. Mereka panggil, apa ditanya kita jawab dan serah kepada mereka," katanya ketika ditemui selepas Pelancaran Jentera Pilihan Raya Amanah Melaka di Duyong, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, beliau yang juga Presiden AMANAH berkata, terpulang kepada pihak SPRM untuk menentukan sama ada mereka berpuas hati atau sebaliknya dengan keterangan yang diberikan.

HARIAN METRO
20.09.2026 (AHAD)



ABD Halim (berdiri tengah) bersama peserta Program Menembak SPRM Bersama Media di Maktab Penjara Kajang, semalam.

KERTAS SIASATAN KES KLVC DIHANTAR KE AGC MINGGU DEPAN

2 BEKAS PENGURUSAN KANAN FELDA BAKAL DIDAKWA

Oleh Austin Camoens dan Hafidzul Hilmi Mohd Noor
am@hmetro.com.my

Kajang

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mencadangkan pertuduhan terhadap dua bekas pengurusan kanan FELDA berhubung dakwaan penyelewengan dalam projek pembangunan Kuala Lumpur Vertical City (KLVC).

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman berkata, kertas siasatan bagi projek berkenaan sudah siap dan akan dikemukakan syor pertuduhan kepada Jabatan Peguam Negara (AGC) minggu depan bagi mendapatkan keizinan pendakwaan.

"Siasatan sudah pun selesai. Kami menyelesaikan penyiasatan terhadap projek KLVC itu melalui keterangan yang diambil daripada 30 orang saksi.

"Pihak kami akan memperakukan pertuduhan terhadap kedua-dua individu yang dinyatakan tadi mengikut kertas siasatan berkenaan dan mendapatkan kelzinan daripada Peguam Negara.

"Sekiranya segalanya berjalan lancar dan keizinan diperoleh, pertuduhan akan difailkan di mahkamah selepas itu," katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Menembak SPRM Bersama Media di Maktab Penjara Kajang di sini, semalam.

Hadir sama Timbalan Pengarang Urusan Kumpulan Berita dan Hal Ehwal Semasa (NCA) Media Prima Berhad, Datuk Farrah Naz Abd Karim dan Ketua Pegawai Operasi The New Straits Times Press (M) Berhad, Luqman Adrine Ja'afar.

Abd Hakim memaklumkan dua individu yang sebelum ini ditahan pada 6 September lalu adalah bekas Pengarah Besar FELDA dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif Felda Investment Corporation Sdn Bhd (FIC).

Kedua-duanya pernah direman beberapa hari sebelum dibebaskan dengan jaminan SPRM.

Namun, beliau menegaskan peranan SPRM hanya terhad kepada mengemukakan syor pertuduhan berdasarkan hasil siasatan.

"Perlu difahami di sini, pihak SPRM hanya mencadangkan sahaja hasil penyiasatan dan membuat perakuan. Sama ada untuk menuduh atau sebaliknya, ia adalah tertakluk sepenuhnya di bawah kuasa Peguam Negara," katanya.

Mengulas perkembangan kes FELDA, Abd Halim berkata, Bahagian Operasi Khas SPRM secara keseluruhannya mengendalikan tujuh kertas siasatan membabitkan pelbagai isu pelaburan serta transaksi aset bernilai tinggi oleh FELDA dan FIC bagi tempoh 2010 hingga 2020.

Sehingga kelmarin, seramai 34 saksi dirakam keterangan merangkumi bekas Ahli Lembaga Pengarah, pihak pengurusan FELDA dan FIC, pegawai Jabatan Tanah dan Galian serta jurunilai bebas.

HARIAN METRO
20.09.2026 (AHAD)



KES FELDA, FIC BABIT ISA SAMAD

RAKAM DI PENJARA

Oleh Austin Camoens dan Hafidzul Hilmi Mohd Noor
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Pegawai penyiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kini dalam proses merakam kenyataan bekas Pengerusi FELDA Tan Sri Isa Samad ***(gambar)*** di Penjara Sungai Buloh.

Ia sebahagian daripada siasatan terhadap agensi itu dan FELDA Investment Corporation Sdn Bhd (FIC).

Ketua Pesuruhjaya SPRM Datuk Seri Abd Halim Aman berkata, pegawai penyiasat mula merakam kenyataan Isa pada 17 September lalu dan meneruskannya kelmarin yang dijangka berterusan selama tiga atau empat hari lagi.

"Setakat ini, kenyataan beliau dirakam selama dua hari penuh. Ia akan diteruskan Isnin ini (esok) dan kami menjangkakan proses merakam kenyataan itu akan selesai menjelang Khamis," katanya.

Abd Halim mengucapkan terima kasih kepada Pengarah Penjara Sungai Buloh kerana mempermudahkan proses merakam kenyataan itu dan memberikan kerjasama penuh kepada pegawai penyiasat.

Proses merakam kenyataan dilakukan ketika SPRM mempergiatkan siasatan ke atas tujuh kes membabitkan pembelian atau pelaburan aset oleh FELDA dan FIC, antara 2010 dan 2020.

Enam kertas siasatan baharu sudah dibuka manakala satu siasatan terdahulu dibuka semula.

Abd Halim berkata, seramai 34 saksi dipanggil setakat ini untuk dirakam kenyataan mereka berhubung tujuh siasatan berkenaan.



ABDUL AZEEZ, KELUARGA DIBERI TEMPOH SEBULAN

ISYTIHAR HARTA

Oleh Austin Camoens dan Hafidzul Hilmi Mohd Noor
am@hmetro.com.my

Kajang

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah menyerahkan notis kepada bekas Pengerusi Lembaga Tabung Haji Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim ***(gambar)*** dan ahli keluarganya supaya mengisytiharkan harta masing-masing dalam tempoh sebulan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Datuk Seri Abd Halim Aman berkata, pihaknya menyerahkan notis berkenaan kepada Abdul Azeez, ahli keluarga termasuk anak-anaknya pada minggu ini mengikut peruntukan undang-undang.

"Pihak kami juga sudah menyerahkan notis kepada Datuk Seri Abdul Azeez dan ahli keluarganya untuk mengisytiharkan hartanya dalam tempoh sebulan seperti yang diperuntukkan di bawah undang-undang. Notis berkenaan disampaikan kepada beliau dan ahli keluarganya. Borang tertentu turut diberikan kepada pihak terbabit bagi tujuan pengisytiharan dan pelaporan harta kepada SPRM," katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Menembak SPRM Bersama Media di Maktab Penjara Kajang di sini, semalam.

Pada 9 September lalu Abdul Azeez didakwa atas satu pertuduhan mengikut Seksyen 23 Akta SPRM.

Setakat 18 September, SPRM sudah mendakwa enam individu berkaitan lapan isu atau kes dalam rangka siasatan RCI Tabung Haji manakala lima lagi siasatan masih berjalan.

HARIAN ME
20.09.2026 (AHAD)

ISU KELEWATAN EDAR BAJA 3

Menteri, KSU KPKM sudah dipanggil beri keterangan

Kajang: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan sudah merakam keterangan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan Ketua Setiausaha (KSU) kementerian berkenaan bagi membantu siasatan berhubung isu penyelewengan dan kelewatan pembekalan baja di Kedah.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Datuk Seri Abd Halim Aman ***(gambar)*** berkata, keterangan menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu dan KSU, Datuk Isham Ishak itu diambil pada 15 dan 16 September lalu.

"Sehingga kini, seramai 37 individu sudah dirakam keterangan bagi membantu siasatan yang dimulakan pada 26 Ogos lalu berhubung pelantikan sebuah syarikat oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

"Siasatan masih lagi berlangsung, namun ia sudah sampai ke penghujung dan dijangka dapat dimuktamadkan dalam tempoh seminggu atau dua lagi," katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Menembak SPRM Bersama Media di Maktab Penjara Kajang, di sini, semalam.

Hadir sama Timbalan Pengarang Urusan Kumpulan Berita dan Hal Ehwal Semasa (NCA) Media Prima Berhad Datuk Farrah Naz Abd Karim dan Ketua Pegawai Operasi The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) Luqman Adrine Ja'afar.



Abd Halim berkata, SPRM juga bakal merakamkan beberapa orang lagi saksi bagi melengkapkan keseluruhan siasatan.

Menurutnya, siasatan itu dijalankan mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan berkaitan kesalahan menggunakan dokumen yang diketahui atau dipercayai palsu.

Beliau berkata, SPRM setakat ini menumpukan kepada aspek jenayah serta isu berkaitan tadbir urus.

"Memang ada elemen kriminaliti yang terbabit dan tentu saja isu tadbir urus. Tetapi kita ketepikan dahulu isu tadbir urus kerana kita fokus kepada aspek kriminaliti.

"Bagaimanapun, saya tidak boleh komen lebih daripada itu kerana penyiasatan masih lagi berlangsung," katanya.

Sebelum ini, siasatan awal SPRM mendapati sepanjang musim terbabit, satu syarikat sepatutnya membekalkan 616,015 beg baja, namun sehingga September ini hanya 333,655 beg baja dibekalkan, kekurangan 282,360 beg.

Kes aduan berkenaan dibuka 26 Ogos lalu berkait dakwaan kegagalan syarikat pembekal baja yang dilantik KPKM untuk membekal, menghantar dan mengedar Baja 3 di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) di kawasan MADA.

HARIAN MET
21.09.2026 (ISNIN)



KEMUKA TUNTUTAN ELAUN PALSU RM30,000

Dua penjawat awam ditahan SPRM

Lahad Datu: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sabah menahan dua penjawat awam selepas disyaki kemuka dokumen mengandungi butiran palsu memperoleh tuntutan elaun berjumlah kira-kira RM30,000.

Tuntutan babitkan elaun tugasan rondaan keselamatan dan pemantauan bencana dilakukan antara 2022 hingga 2023.

Kedua-dua suspek lelaki berusia lingkungan 30-an dan 40-an ditahan kira-kira jam 10 pagi, Khamis lalu, ketika hadir memberikan keterangan di Pejabat SPRM cawangan Lahad Datu.

Siasatan awal mendapati kedua-dua suspek dipercayai bersubahat lakukan perbuatan itu.

Pengarah SPRM Sabah, Datuk Mohd Fuad Bee Basrah mengesahkan penahanan berkenaan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 dan kedua-dua suspek akan dituduh di Mahkamah Khas Rasuah Tawau pada 24 September ini," katanya.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 dan suspek akan dituduh di Mahkamah Khas Rasuah Tawau pada 24 September ini"

Pengarah SPRM Sabah, Datuk Mohd Fuad Bee Basrah

SINAR HARIA
22.09.2026 (SELASA)

Didakwa bersubahat pecah amanah RM14,000

Bekas timbalan pengurus anak syarikat TH didakwa babitkan projek pembinaan bangunan komersial

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN



Tengku Kamarolhisham (tengah) didakwa atas pertuduhan bersubahat melakukan pecah amanah sembilan tahun lalu.

KOTA BHARU - Seorang bekas timbalan pengurus anak syarikat Tabung Haji (TH) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin atas pertuduhan bersubahat melakukan pecah amanah hasil kutipan penalti daripada kontraktor sebanyak RM14,000 melibatkan projek membina dan menyiapkan projek bangunan komersial setinggi 22 tingkat kira-kira sembilan tahun lalu.

Tertuduh, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Dazuki Ali.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa bersubahat dengan Mohamad Hashim Mukhatap, 53, yang merupakan Pengurus Pembinaan THP Timur Sdn Bhd melakukan pecah amanah dengan secara tidak jujur telah menyalahgunakan harta dan memasukkan wang berjumlah RM14,000 ke dalam akaun bank sendiri yang merupakan hasil kutipan penalti ke atas kontraktor iaitu syarikat Kelpile Sdn Bhd.

Kutipan tersebut melibatkan projek cadangan membina dan menyiapkan sebuah bangunan komersial 22 tingkat yang mengandungi 244 unit pangsapuri perkhidmatan, unit kediaman tingkat teratas (empat unit), kemudahan awam (aras tujuh), ruang perniagaan (dua tingkat), tempat letak kereta (lima tingkat), aras bawah tanah tambahan (satu tingkat) dan kemudahan yang berkaitan di atas Lot 273, Seksyen 12 di sini.

Lelaki itu didakwa melakukan kesalahan tersebut di Sofea Residensi, Seksyen 12 di sini antara 15 November 2017 dan 8 Ogos 2018.

Pendakwaan dikemukakan mengikut Seksyen 109 dibaca bersama Seksyen 409 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun, sebat dan denda, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Asmah Che Wan manakala tertuduh diwakili peguam, Fahmi Abd Moin.

Terdahulu, Asmah mencadangkan jaminan RM15,000 dengan seorang penjamin termasuk syarat tambahan iaitu tertuduh perlu melapor diri di pejabat SPRM setiap bulan dan tidak mengganggu saksi pendakwaan.

Fahmi dalam rayuannya memohon ikat jamin yang rendah berikutan tertuduh sudah membayar jaminan sebanyak RM45,000 dan menyerahkan pasport kepada mahkamah selepas didakwa mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada awal bulan ini.

"Tertuduh kini bekerja sendiri sejak setahun lalu dengan pendapatan kira-kira RM5,000 sebulan selain perlu menanggung enam orang anak yang masih belajar di institusi pengajian tinggi awam dan bersekolah.

"Selain itu, tertuduh juga mempunyai penyakit kencing manis, jantung, darah tinggi dan kolesterol," katanya.

Mahkamah kemudian membenarkan ikat jamin RM8,000 dengan seorang penjamin termasuk syarat tambahan iaitu melapor diri di pejabat SPRM Shah Alam, Selangor sebulan sekali dan tidak menganggu saksi pendakwaan.

Mahkamah turut menetapkan 19 Oktober depan untuk sebutan semula kes dan tertuduh membayar jaminan tersebut.

10 BERITA SINAR HARIAN PALING TRENDING

SETAKAT JAM 5 PETANG (SNIN)

1. EXCO KERAJAAN NEGERI SEMBILAN SAHKAN TERIMA SURAT PEMBATALAN JAWATAN
2. 1MDB: NAJIB MUNGKIN KEMBALI KE PENJARA
3. TAKUT RAHSIA TERBONGKAR, LELAKI BUNUH BUDAK 10 TAHUN
4. ISTERI MAUT DITIKAM SUAMI 13 KALI: BEKAS JURUTEKNIK BERDEPAN HUKUMAN GANTUNG SAMPAI MATI
5. ISRAEL SEMAKIN DITOLAK DI THAILAND
6. JEREBU: 17 KAWASAN CATAT IPU TIDAK SIHAT PAGI INI
7. SYAHREDZAN, RARA BOLEH GANTI ANTHONY
8. PEMBESAR PERLU JADI PENDAMAI, BUKAN 'BATU API' - AKMAL SALEH
9. H1 CECAH RM10.7 JUTA DALAM BIDAAN NOMBOR PENDAFTARAN SIRI H
10. PENUNGGANG MAUT DIGILIS, POLIS KESAN PEMANDU TRELER

HARIAN METRO
24.09.2026 (KHAMIS)

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur



Hargai integriti penjawat awam

RM1.18 juta ganjaran diberikan kepada 652 penjawat awam lapor beri atau terima rasuah

Sebanyak RM1.18 juta ganjaran sudah diberikan kepada 652 penjawat awam yang tampil melaporkan pemberian atau penerimaan rasuah sepanjang tempoh 2012 hingga 2025, sebagai pengiktirafan terhadap keberanian mereka dalam membantu membanteras kegiatan rasuah.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Datuk Seri Abd Halim Aman berkata, daripada jumlah itu, seramai 529 individu diperaku menerima ganjaran wang tunai berserta sijil penghargaan, manakala 123 individu lagi menerima sijil atas komitmen cemerlang membendung jenayah berkenaan.

Katanya, pemberian ganjaran dan pengiktirafan itu terbukti menjadi pemangkin utama dalam memperkukuh budaya kerja berintegriti dalam sektor perkhidmatan awam.

"Pengiktirafan ini bukan sahaja melambangkan penghargaan terhadap integriti penjawat awam, tetapi juga menjadi satu dorongan dan contoh kepada penjawat awam yang lain," katanya dalam kenyataan yang dimuat naik di Facebook (FB) SPRM, malam kelmarin.

Terdahulu, beliau mempengerusikan Mesyuarat Panel Penilaian Pengiktirafan Kepada Penjawat Awam Yang Melaporkan Pemberian atau Penerimaan Rasuah Siri 15 di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Sri Ahmad Khusairi Yahaya, Timbalan Ketua Bahagian Pendakwaan II Jabatan Peguam Negara, Datuk Kamal Baharin Omar dan Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Hafaz Nazar.

Abd Halim berkata, empat agensi utama yang mencatatkan bilangan penerima pengiktirafan tertinggi sepanjang tempoh berkenaan ialah Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang merekodkan jumlah penerima tertinggi sepanjang tempoh 2012 hingga 2025 iaitu seramai 437 orang.

Katanya, ia diikuti Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) seramai 64 orang, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) seramai 33 orang dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) seramai 21 orang.

"Bagi penilaian tahun 2026, sebanyak 54 calon baharu daripada empat agensi penguatkuasaan dikemukakan membabitkan 30 kertas siasatan dengan jumlah nilai rasuah yang cuba disogokkan mencecah RM304,621.

"Calon terbabit merangkumi 38 pegawai PDRM, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (12 calon), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (tiga calon) dan JIM (seorang calon).

"Semua calon sudah melepasi tapisan keutuhan SPRM serta semakan rekod jenayah PDRM," katanya.

Menurutnya, antara kes berprofil tinggi yang mencuri tumpuan dalam penilaian tahun ini termasuk tindakan berani seorang pegawai PDRM di Perlis yang menolak tawaran suapan RM200,000 berhubung kes rampasan dadah syabu seberat 1.8 tan, serta kes penolakan rasuah bernilai RM45,000 di Johor.

Katanya, penjawat awam perlu memenuhi kriteria ketat untuk layak menerima pengiktirafan, termasuk membuat aduan rasmi dan memberikan kerjasama penuh sepanjang proses penyiasatan hingga perbicaraan di mahkamah selesai.

"Kita juga berhasrat skop pemberian ganjaran ini diperluas ke seluruh sektor perkhidmatan awam, terutamanya pegawai di bahagian perolehan.

"Keberanian penjawat awam untuk tampil melaporkan cubaan rasuah amat penting dalam membantu usaha membendung kegiatan rasuah dan memperkukuh budaya integriti dalam perkhidmatan awam," katanya.

Program pengiktirafan itu adalah kesinambungan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) pada 19 Ogos 2010 dan Surat Pekeliling Garis Panduan oleh Ketua Setiausaha Negara pada 11 Mei 2011.

SINAR HARIAN
25.09.2026 (JUMAAT)



Harian
1/26

Lombong emas: Bekas CEO, penjawat awam ditahan SPRM

KOTA KINABALU - Seorang penjawat awam dan bekas ketua pegawai eksekutif (CEO) ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sabah selepas disyaki meminta serta menerima rasuah kira-kira RM18,000 sebagai balasan memudahkan operasi perlombongan emas sebuah syarikat di negeri ini.

Kedua-dua suspek lelaki berusia 60-an ditahan ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Kota Kinabalu, kira-kira jam 10 pagi Rabu.

Siasatan awal mendapati kedua-dua suspek disyaki bersubahat melakukan perbuatan tersebut pada 2024 dan 2025 dan dipercayai menerima wang rasuah secara tunai.

Pengarah SPRM Sabah, Datuk Mohd Fuad Bee Basrah ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut dan memaklumkan kes disiasat di bawah Seksyen 17 (a) dan 17 (b) Akta SPRM 2009.

"Kedua-dua suspek akan dituduh pada Isnin depan di Mahkamah Sesyen Kota Kinabalu," katanya.

HARIAN METRO
25.09.2026 (JUMAAT)

2 pegawai RELA didakwa buat tuntutan palsu bernilai RM29,440

Tawau: Dua pegawai Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) mengaku tak bersalah di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah di sini, semalam atas tiga pertuduhan tuntutan elaun penugasan rondaan keselamatan dan pemantauan bencana berjumlah RM29,440.

Kedua-dua tertuduh, Mohamad Ihsan Said, 42, dan Radzmil Saadan, 38, membuat pengakuan itu selepas semua pertuduhan dibaca secara berasingan di hadapan Hakim, Andi Razalijaya A Dadi.

Mohamad Ihsan, bertugas Pegawai RELA Daerah Lahad Datu berdepan tiga pertuduhan di bawah Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(2) akta sama.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa dengan sengaja memberikan kepada seorang ejen, iaitu Pembantu Pegawai Pertahanan Awam, satu dokumen (Lampiran M) iaitu Rumusan Tuntutan Elaun Penugasan Daerah Lahad Datu Negeri Sabah yang mengandungi butiran material palsu berkaitan tuntutan elaun penugasan rondaan keselamatan dan pemantauan bencana semasa Monsun Timur Laut bagi November 2022.

Ia berhubung jumlah jam bertugas yang dituntut adalah lebih daripada jumlah jam bertugas yang dilaksanakan, membabitkan RM9,600, yang didakwa diketahui tertuduh dimaksudkan untuk mengelirukan prinsipalnya.

Bagi pertuduhan kedua dan ketiga pula, Mohamad Ihsan didakwa melakukan perbuatan sama masing-masing pada Januari dan Februari 2023 berkaitan tuntutan bagi Disember 2022 dan Januari 2023 yang kedua-duanya membabitkan jumlah RM9,920.

Sementara itu, Radzmil berdepan tiga pertuduhan bersubahat dengan Mohamad Ihsan dengan menyemak borang tuntutan elaun penugasan rondaan keselamatan pada masa dan tarikh yang sama.

Semua pertuduhan terhadap Radzmil dibuat mengikut Seksyen 28(1)(c) Akta SPRM 2009 dan dibaca bersama Seksyen 18 akta sama serta boleh dihukum ikut Seksyen 24(2) akta sama.

Seksyen 24(2) Akta SPRM 2009 peruntuk hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai butiran material palsu atau silap itu, jika dapat dinilai atau berbentuk wang, atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Pada prosiding semalam, Pegawai Pendakwa SPRM, Norsham Saharom cadangkan jaminan RM15,000 bagi setiap tertuduh dengan seorang penjamin tempatan selain syarat tambahan iaitu pasport diserahkan kepada mahkamah, melaporkan diri di pejabat SPRM sebulan sekali serta tidak berkomunikasi atau mengganggu saksi pendakwaan sehingga kes selesai.

Peguam Nur Hafizah Husna Elahab@Lahab mewakili kedua-dua tertuduh memohon jumlah jaminan lebih rendah dengan alasan anak guam penjawat awam dan masing-masing berkhidmat antara 13 hingga 18 tahun selain mempunyai tanggungan terhadap keluarga.

HARIAN METRO
25.09.2026 (JUMAAT)

Bekas COO TH kena 3 tuduhan

Didakwa menerima kos ubah suai tiga rumah bernilai lebih RM302,000 sembilan tahun lalu

Oleh Muhamad Lokman Khairi
lokman.khairi@hmetro.com.my

Shah Alam

Bekas Ketua Pegawai Operasi (COO) Lembaga Tabung Haji (TH), mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam atas tiga tuduhan menerima barang berharga berbentuk kos ubah suai tiga rumah bernilai lebih RM302,000, sembilan tahun lalu.

Tertuduh, Datuk Adi Azuan Abdul Ghani, 56, minta dibicarakan sebaik pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim, Awang Kerisnada Awang Mahmud.

"Tidak mengaku salah, Yang Arif," katanya yang memakai kemeja bersut kelabu, berseluar coklat di dalam kandang tertuduh.

Berdasarkan semua pertuduhan, tertuduh sebagai penjawat awam iaitu Ketua Pegawai Operasi TH didakwa menerima benda berharga dengan suatu balasan iaitu kos pengubahsuaian tiga rumah di Jalan Polo Air 13/58B, Seksyen 13 di sini; Jalan Sepah Puteri 5/20B, Kota Damansara dan Jalan USJ Height 2/2A, Subang Jaya.

Ia masing-masing bernilai RM235,866.58, RM50,698.74 dan RM15,933.95 daripada Pengarah Syarikat AG Reka Sdn Bhd, Thamsulazri Ismail yang tertuduh ketahui ada kena-mengena dalam urusan dijalankan beliau.

Kesalahan itu didakwa dilakukannya di tiga rumah berkenaan pada 7 Mac 2017.

Jika sabit kesalahan, beliau boleh dihukum mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Muaz Ahmad Khairuddin, menawarkan jaminan RM70,000 serta syarat tambahan yang difikirkan wajar oleh mahkamah.

Peguam mewakili tertuduh, Wan Azwan Aiman Wan Fakhruddin memohon jaminan dikurangkan kepada RM30,000 atas alasan anak guamnya menanggung isteri dan empat anak masing-masing berusia antara 12 hingga 25 tahun yang masih belajar di universiti serta sekolah.

Katanya, tertuduh turut hadir ke Pejabat SPRM pada 2 Ogos lalu untuk memberikan keterangan ketika masih mendapatkan rawatan di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) berikutan masalah jantung.

Peguam turut memohon supaya pasport tertuduh tidak diserahkan kepada mahkamah atas alasan anak guamnya memberi kerjasama sepanjang siasatan dan tidak mempunyai sekatan perjalanan ketika siasatan terdahulu.

Hakim Awang Kerisnada berkata, walaupun kesalahan berkenaan adalah kesalahan yang tidak boleh dijamin, Seksyen 389 Kanun Tatacara Jenayah memberikan budi bicara kepada mahkamah untuk membenarkan jaminan dalam keadaan tertentu.

"Mahkamah perlu mengenakan syarat tambahan bagi memastikan kehadiran tertuduh ke mahkamah memandangkan kes ini adalah kesalahan yang tidak boleh dijamin," katanya.

Beliau kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM50,000 dengan dua penjamin warga Malaysia yang menetap di Selangor atau Kuala Lumpur.

"Tertuduh juga perlu melapor diri di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya setiap tiga bulan sekali bermula Oktober ini, pasport tertuduh diserahkan kepada mahkamah dan tertuduh dilarang daripada mengganggu saksi sehingga kes selesai," katanya.

Sebutan semula kes pada 25 November ini.

Adi Azuan adalah antara lima pegawai kanan TH dinamakan dalam laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) TH, susulan dapatan mendedahkan tindakan tatatertib terhadap mereka membabitkan beberapa kes salah laku serius yang kemudian diringankan selepas rayuan.

HARIAN METE
25.09.2026 (JUMAAT)

Bekas Ketua Pegawai Operasi TH mengaku tak bersalah 3 tuduhan

Mahkamah tetapkan sebutan semula kes 25 November

Oleh Muhamad Lokman Khairi
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Bekas Ketua Pegawai Operasi Lembaga Tabung Haji (TH) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tiga tuduhan menerima barang berharga berbentuk kos ubah suai tiga rumah bernilai lebih RM302,000, sembilan tahun lalu.

Datuk Adi Azuan Abdul Ghani, 56, minta dibicarakan sebaik pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim, Awang Kerisnada Awang Mahmud.

"Tidak mengaku salah, Yang Arif," katanya yang memakai kemeja bersut kelabu dan berseluar coklat dari kandang tertuduh.

Berdasarkan semua pertuduhan, tertuduh sebagai penjawat awam iaitu Ketua Pegawai Operasi TH didakwa menerima benda berharga dengan suatu balasan iaitu kos pengubahsuaian tiga rumah di Jalan Polo Air 13/58B, Seksyen 13 di sini; Jalan Sepah Puteri 5/20B, Kota Damansara dan Jalan USJ Height 2/2A, Subang Jaya.

Ia masing-masing bernilai RM235,866.58; RM50,698.74 dan RM15,933.95 daripada Pengarah Syarikat AG Reka Sdn Bhd, Thamsulazri Ismail, yang tertuduh ketahui ada kena-mengena dalam urusan dijalankan beliau.



Adi Azuan Abdul Ghani

Kesalahan itu didakwa dilakukannya di tiga rumah berkenaan pada 7 Mac 2017.

Jika sabit kesalahan, beliau boleh dihukum mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Muaz Ahmad Khairuddin, menawarkan jaminan RM70,000 dan syarat tambahan yang difikirkan wajar oleh mahkamah.

Peguam mewakili tertuduh, Wan Azwan Aiman Wan Fakhruddin, memohon jaminan dikurangkan kepada RM30,000 atas alasan anak guamnya menanggung isteri dan empat anak masing-masing berusia antara 12 hingga 25 tahun yang masih belajar di universiti serta sekolah.

Tertuduh turut hadir ke Pejabat SPRM pada 2 Ogos lalu untuk memberikan keterangan ketika masih mendapatkan rawatan di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) berikutan masalah jantung.

Mohon pasport tak diserah

Peguam turut memohon pasport tertuduh tidak diserahkan kepada mahkamah atas alasan anak guamnya memberi kerjasama sepanjang siasatan dan tidak mempunyai sekatan perjalanan ketika siasatan terdahulu.

Hakim Awang Kerisnada berkata, walaupun kesalahan berkenaan adalah kesalahan yang tidak boleh dijamin, Seksyen 389 Kanun Tatacara Jenayah memberikan budi bicara kepada mahkamah untuk membenarkan jaminan dalam keadaan tertentu.



"Mahkamah perlu mengenakan syarat tambahan bagi memastikan kehadiran tertuduh ke mahkamah memandangkan kes ini adalah kesalahan yang tidak boleh dijamin," katanya.

Beliau membenarkan tertuduh diikat jamin RM50,000 dengan dua penjamin warga Malaysia yang menetap di Selangor atau Kuala Lumpur.

"Tertuduh juga perlu melapor diri di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya setiap tiga bulan sekali bermula Oktober ini, pasport tertuduh diserahkan kepada mahkamah dan tertuduh dilarang daripada mengganggu saksi sehingga kes selesai," katanya.

Sebutan semula kes pada 25 November ini.

Adi Azuan adalah antara lima pegawai kanan TH dinamakan dalam laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) TH, susulan dapatan mendedahkan tindakan tatatertib terhadap mereka membabitkan beberapa kes salah laku serius yang kemudian diringankan selepas rayuan.

BERITA HARIAN
26.09.2026 (SABTU)

Bekas COO TH didakwa lagi

Dituduh terima barang berharga dalam bentuk kos ubah suai rumah lebih RM8,000

Oleh Muhamad Lokman Khairi
bhnews@bh.com.my



Adi Azuan tiba di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam. (Foto Fathil Asri/BH)

Kuala Lumpur: Bekas Ketua Pegawai Operasi (COO) Lembaga Tabung Haji (TH) didakwa lagi semalam, kali ini di Mahkamah Sesyen di sini atas tuduhan menerima barang berharga dalam bentuk kos ubah suai rumah.

Datuk Adi Azuan Abdul Ghani, 56, dituduh di hadapan Hakim Suzana Hussin menerima barang berharga dalam bentuk kos ubah suai rumah bernilai lebih RM8,000 daripada pengarah sebuah syarikat, sembilan tahun lalu.

Dia dituduh sebagai penjawat awam, iaitu COO TH menerima benda berharga dengan suatu balasan, iaitu kos pengubahsuaian sebuah rumah di Jalan Tanjung SD 13/4, Bandar Sri Damansara, di sini bernilai RM8,882.77.

Ia diterima daripada Pengarah Syarikat AG Reka Sdn Bhd, Thamsulazri Ismail yang tertuduh tahu ada kena-mengena dalam urusan beliau di rumah berkenaan, pada 7 Mac 2017.

Jika sabit kesalahan, dia boleh dihukum mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Kelmarin, dia mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Shah Alam atas tiga tuduhan, juga berkait menerima barang berharga berbentuk kos ubah suai tiga rumah bernilai lebih RM302,000, sembilan tahun lalu.

Mengaku tidak bersalah

Pada prosiding semalam, Adi Azuan yang memakai kemeja dan sut kelabu bagaimanapun mengaku tidak bersalah dari kandang tertuduh dan memohon dibicarakan.

Timbalan Pendakwa Raya daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Irna Julieza Maaras memberitahu mahkamah, tertuduh didakwa atas tiga pertuduhan mengikut seksyen sama di Mahkamah Sesyen Shah Alam, kelmarin.

Sehubungan itu pihak pendakwaan memohon tuduhan semalam dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Shah Alam untuk dibicarakan bersama tiga pertuduhan berkenaan kerana membabitkan saksi dan kertas siasatan sama.

Mengenai isu jaminan pula, Irna Julieza memohon jaminan dan syarat tambahan yang dikenakan Mahkamah Sesyen Shah Alam semalam turut terpakai bagi pertuduhan semalam.

"Untuk makluman Yang Arif, Mahkamah Sesyen Shah Alam membenarkan tertuduh diikat jamin RM50,000 dengan dua penjamin dan memerintahkan pasport tertuduh diserahkan kepada mahkamah serta dia dilarang daripada mengganggu mana-mana saksi pendakwaan.

"Tertuduh juga dikehendaki melaporkan diri tiga bulan sekali di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya," katanya.

Irna Julieza berkata, kes di Mahkamah Sesyen Shah Alam ditetapkan untuk sebutan bagi penyerahan dokumen pada 25 November ini.

Perkara itu disahkan peguam, Wan Azwan Aiman Wan Fakhruddin yang tidak membantah permohonan pendakwaan.

Atas persetujuan kedua-dua belah pihak, mahkamah membenarkan permohonan pendakwaan dan turut memerintahkan kes dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Shah Alam untuk dibicarakan bersama tiga pertuduhan lain.

Adi Azuan antara lima pegawai kanan TH dinamakan dalam laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) TH sebelum ini.

BERITA HARI
26.09.2026 (SABTU)

Kes penyelewengan KLVC

Dua bekas pengurusan tertinggi FELDA didakwa minggu depan

Bekas CEO FELDA Investment Committee dan bekas pengurus besar berdepan tiga pertuduhan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Hab Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Dua bekas pengurusan tertinggi FELDA yang disiasat berkait penyelewengan projek Kuala Lumpur Vertical City (KLVC) dijangka didakwa di mahkamah minggu hadapan.

Perkara itu disahkan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Datuk Seri Abd Halim Aman dengan seorang daripadanya membabitkan bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) di FELDA Investment Committee atau FELDA Investment Commission.

Sementara seorang lagi, katanya adalah membabitkan bekas pengurus besar FELDA.

"Bekas pengurus besar FELDA itu akan menghadapi satu pertuduhan di bawah Seksyen 420 dan pertuduhan itu akan didaftarkan di mahkamah pada tarikh 30 September ini.

"Bekas CEO Felda Investment Committee pula akan berdepan dua pertuduhan di bawah Seksyen 417, dengan pertuduhan itu akan berlangsung pada tarikh 29 September," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media selepas Persidangan Penyelidikan Tatakelola, Integriti dan Antirasuah Peringkat Kebangsaan Kali ke-5, di sini, semalam.

SPRM minggu lalu mencadangkan pertuduhan terhadap dua bekas pengurusan kanan FELDA berhubung dakwaan penyelewengan dalam projek pembangunan KLVC.

Ambil keterangan Isa

Sementara itu, katanya, SPRM akan menyambung semula mengambil keterangan Datuk Seri Isa Samad, yang kini dipenjarakan di Penjara Sungai Buloh selepas kesihatan bekas Pengerusi FELDA itu kembali pulih.

Katanya, Isa ketika ini sedang dirawat di Hospital Serdang kerana menjalani pembedahan mata.

Beliau berkata, SPRM tidak boleh menghentikan pengambilan keterangan daripada veteran politik itu kerana ia penting untuk siasatan penyelewengan FELDA.

"Berhubung keterangan Isa, kita terpaksa 'hold' dahulu kerana sepatutnya ia (keterangan) diambil semalam (kelmarin) dan hari ini (semalam) tetapi memandangkan beliau tak sihat, dihantar ke Hospital Serdang untuk menjalani pembedahan mata, maka kita tangguhkan dulu.

"Kita akan rakam semula percakapan beliau selepas mendapat maklumat (status kesihatan) daripada Jabatan Penjara.

"Apabila sudah sihat, kita akan sambung perakaman kenyataan itu. Banyak lagi nak dirakamkan daripada beliau," katanya.

BH sebelum ini melaporkan, pegawai penyiasat SPRM sedang merakam keterangan bekas Pengerusi FELDA di Penjara Sungai Buloh sebagai sebahagian daripada siasatan membabitkan FELDA dan Felda Investment Corporation Sdn Bhd (FIC).

Abd Halim berkata, proses merakam keterangan Isa bermula pada 17 September lalu dan diteruskan semalam.



Projek KLVC yang dikaitkan dengan penyelewengan babit dua bekas pengurusan tertinggi FELDA. (Foto fail NSTP)

BERITA HARIAN
26.09.2026 (SABTU)

2 individu bakal dituduh isu kelewatan pembekalan baja

Putrajaya: Siasatan isu kelewatan pembekalan baja di Kedah yang dijalankan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selesai sepenuhnya dengan dua individu akan dituduh dalam tempoh terdekat.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman, berkata, pertuduhan berkenaan akan dijalankan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM, iaitu berkaitan penyelewengan dan dokumen palsu.

"Penyiasatan bagi pengedaran baja kepada petani di Kedah sudah pun selesai. Pertuduhan akan dilaksanakan terhadap dua individu dengan kes ini diklasifikasikan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM.

"Kes ini akan dirujuk kepada Peguam Negara dan seandainya diberikan keizinan oleh Peguam Negara, maka kemungkinan pertuduhan akan berlangsung minggu depan atau minggu satu lagi. Kita akan daftar pertuduhan itu di mahkamah," katanya dalam sidang akhbar selepas



Persidangan Penyelidikan Tatakelola, Integriti dan Antirasuah Peringkat Kebangsaan Kali Ke-5, di sini, semalam.

Ditanya adakah terdapat kenamaan termasuk 'orang kerajaan' akan dituduh dalam kes kelewatan baja berkenaan, Abd Halim mengatakan perkara itu tidak boleh didedahkan lagi setakat ini.

Pada 12 September lalu, seorang pengarah urusan di sebuah syarikat pembekal baja yang dikaitkan isu kelewatan pengagihan input pertanian itu di Kedah ditahan SPRM.

Minggu lalu, Abd Halim juga mengesahkan pihaknya sudah merakam keterangan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamed Sabu dan Ketua Setiausaha (KSU) kementerian berkenaan bagi membantu siasatan isu kelewatan pembekalan baja di Kedah.

BERITA HARIAN

26.09.2026 (SABTU)

Saravanan, isteri dan tiga anak diminta isytihar harta

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan menyerahkan notis kepada bekas Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan dan empat ahli keluarganya supaya mengisytiharkan harta masing-masing dalam tempoh sebulan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman, berkata notis di bawah Seksyen 36 Akta SPRM 2009 itu akan diserahkan kepada Timbalan Presiden MIC terbabit Isnin ini.

"Bagi bekas menteri yang dituduh di mahkamah (baru-baru ini), kami akan menyampaikan notis untuk pengisytiharan harta kepada beliau, isteri beliau dan tiga anak beliau.

"Mereka sudah dimaklumkan mengenai perkara itu dan mereka akan hadir di ibu pejabat SPRM Isnin ini, untuk diserahkan notis berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Majlis Penutupan Persidangan Penyelidikan Tatakelola, Integriti dan Antirasuah Peringkat Kebangsaan Kali Ke-5 Tahun 2026 di sini, semalam.

Abd Halim berkata, hanya Saravanan, isteri dan dua anaknya akan hadir di ibu pejabat SPRM untuk diserahkan notis terbabit memandangkan seorang lagi anaknya sedang melanjutkan pengajian di luar negara.

Saravanan yang juga Ahli Parlimen Tapah sebelum ini mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas tiga pertuduhan menerima suapan RM1.097 juta, empat tahun lalu.

Suapan itu sebagai dorongan supaya beliau yang ketika itu berjawatan Menteri Sumber Manusia memberikan kelulusan terhadap permohonan 1,000 kuota pekerja asing bagi syarikat TYKB Engineering Sdn Bhd.

Mengenai notis pengisytiharan harta bekas Pengerusi Lembaga Tabung Haji, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim dan ahli keluarganya, Abdul Halim berkata pihaknya masih belum menerima pengisytiharan berkenaan.

HARIAN MET
26.09.2026 (SABTU)

BEKAS KETUA PEGAWAI OPERASI TH KENA DAKWA LAGI

UBAH SUAI RUMAH RM8,000

Oleh Muhamad Lokman Khairi
lokman.khairi@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Bekas Ketua Pegawai Operasi (COO) Lembaga Tabung Haji (TH) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dakwaan menerima barang berharga dalam bentuk kos ubah suai rumah bernilai lebih RM8,000 daripada pengarah sebuah syarikat, sembilan tahun lalu.

Tertuduh, Datuk Adi Azuan Abdul Ghani, 56, memohon dibicarakan di atas pertuduhan itu sebaik ia dibacakan di dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Suzana Hussin.

"Tidak mengaku salah," katanya yang memakai kemeja bersut kelabu dari kandang tertuduh.

Mengikut pertuduhan, Adi Azuan sebagai penjawat awam iaitu COO TH, didakwa menerima benda berharga dengan suatu balasan iaitu kos pengubahsuaian sebuah rumah di Jalan Tanjung SD 13/4, Bandar Sri Damansara di sini bernilai RM8,882.77.



ADI Azuan didakwa atas pertuduhan menerima barang berharga dalam bentuk kos ubah suai rumah.

Ia diterima daripada Pengarah Syarikat AG Reka Sdn Bhd, Thamsulazri Ismail yang tertuduh ketahui ada kena-mengena dalam urusan beliau di rumah itu pada 7 Mac 2017.

Jika sabit kesalahan, dia boleh dihukum mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Irna Julieza Maaras memberitahu mahkamah, tertuduh didakwa atas tiga pertuduhan mengikut seksyen sama di Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam.

Mahkamah Sesyen Shah Alam benar ikat jamin RM50,000 dengan dua penjamin

Katanya, sehubungan itu pendakwaan memohon tuduhan hari ini dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Shah Alam untuk dibicarakan bersama tiga pertuduhan berkenaan kerana membabitkan saksi dan kertas siasatan sama.

Mengenai isu jaminan pula, Irna Julieza memohon jaminan dan syarat tambahan dikenakan Mahkamah Sesyen Shah Alam turut terpakai bagi pertuduhan semalam.

"Untuk makluman Yang Arif, Mahkamah Sesyen Shah Alam membenarkan tertuduh diikat jamin RM50,000 dengan dua penjamin dan memerintahkan pasport tertuduh diserahkan kepada mahkamah dan dia dilarang daripada mengganggu mana-mana saksi pendakwaan.

"Tertuduh juga dikehendaki melaporkan diri tiga bulan sekali di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya," katanya.

Irna Julieza berkata, kes di Mahkamah Sesyen Shah Alam ditetapkan untuk sebutan bagi penyerahan dokumen pada 25 November ini.

Perkara itu disahkan peguam bela, Wan Azwan Aiman Wan Fakhruddin dan pihaknya tidak membantah permohonan pendakwaan.

Atas persetujuan kedua-dua belah pihak, Hakim Suzana membenarkan permohonan pendakwaan dan turut memerintahkan kes dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Shah Alam untuk dibicarakan bersama tiga pertuduhan lain.

Adi Azuan antara lima pegawai kanan TH dinamakan dalam laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) TH.

SINAR HARIAN
28.09.2026 (ISNIN)

SPRM siasat isu kerugian UiTM Holdings

SHAH ALAM - Siasatan berkaitan beberapa isu melibatkan kerugian dialami UiTM Holdings Sdn Bhd pada tahun 2023 sedang dijalankan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Siasatan tersebut merangkumi pelbagai isu termasuk pembangunan projek solar 50MW di Gambang, Pahang yang mana sejumlah RM42 juta dilaporkan telah dibayar bagi tujuan tidak berkaitan dengan projek tersebut serta dibuat tanpa kelulusan Lembaga Pengarah (BOD).

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman berkata, siasatan dijalankan di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

"SPRM akan berusaha menyiapkan siasatan dengan kadar segera secara bebas dan adil.

"Ditegaskan bahawa siasatan ini masih berjalan memandangkan kompleksiti kes yang melibatkan aspek teknikal serta menunggu arahan lanjut daripada pihak pendakwaan," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Bagi melengkapkan lagi proses penyiasatan beliau berkata, SPRM juga akan meneliti sekiranya terdapat isu-isu lain yang relevan termasuk kelemahan tata kelola sebagaimana dinyatakan oleh Perdana Menteri.

Jelasnya, SPRM menyambut baik keprihatinan serta ketegasan Perdana Menteri dalam usaha melihat dan menyelesaikan kelemahan yang menjadi faktor kerugian ke atas UiTM Holdings.



ABD HALIM

Pada Sabtu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan penelitian terhadap tadbir urus dan pengurusan UiTM Holdings susulan kebimbangan mengenai kerugian yang dialami syarikat itu.

Anwar dilaporkan berkata, semakan itu perlu dilakukan dengan kerjasama Naib Canselor UiTM dan Jabatan Perdana Menteri (JPM) akan memberikan sokongan sekiranya diperlukan.

BERITA HARIAN

28.09.2026 (ISNIN)

Isu tatakelola antara siasatan awal ketirisan, penyelewengan

Pematuhan prosedur boleh jadi 'benteng' sorok kesalahan

EKSKLUSIF



SPRM buka siasatan kerugian UiTM Holdings

SINAR HARIAN
29.09.2026 (SELASA)

Saravanan sedia beri kerjasama kepada SPRM

SPRM beri tempoh 30 hari untuk kemuka maklumat harta dimiliki sejak 2019



Saravanan bercakap pada sidang akhbar selepas keluar dari bangunan ibu pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada Isnin.

PUTRAJAYA - Bekas Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan bersedia memberikan kerjasama penuh kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan membekalkan segala maklumat berkaitan harta yang dimilikinya sejak 2019 termasuk sumber harta dalam dan luar negara.

Bercakap kepada pemberita selepas selesai proses penerimaan notis pengisytiharan harta mengikut Seksyen 36 Akta SPRM 2009 pagi Isnin, Ahli Parlimen Tapah itu berkata, perkara itu adalah prosedur biasa bagi membolehkan SPRM menjalankan siasatan terhadap sebarang dakwaan, termasuk meneliti sama ada terdapat pemilikan harta atas namanya atau ahli keluarganya.

"Saya pun telah bersetuju untuk menyediakan segala maklumat yang diperlukan oleh SPRM. Ini adalah prosedur biasa. Ini bukan mahu sembunyi. Apabila ada tuduhan terhadap kita, sebelum tuduhan itu dibicarakan, mereka perlu tahu sama ada kita ada harta atas nama kita ataupun nama ahli keluarga.

"Saya telah bersetuju untuk bekerjasama dengan pihak SPRM untuk membekalkan segala maklumat yang mereka perlukan. Tadi hanya terima notis sahaja. Saya datang dengan keluarga, isteri dan dua orang anak saya," katanya.

Beliau berkata, SPRM memberikan tempoh 30 hari untuk mengemukakan maklumat berkenaan, selain bersedia memberikan lanjutan masa sekiranya diperlukan.

Saravanan berkata, segala maklumat harta yang akan dikemukakannya kepada SPRM akan turut didedahkan kepada media sebagai tanda beliau tidak mempunyai apa-apa untuk disembunyikan.

"Saya akan mematuhi dan akur dengan permintaan SPRM. Saya berpendapat perkara yang mereka minta adalah patut. Kalau ada tuduhan terhadap mana-mana pihak, inilah cara mereka siasat sama ada kekayaan kita luar biasa atau tidak," katanya.

Beliau berkata, pengalaman lebih 20 tahun menjawat jawatan dalam perkhidmatan awam dan sebagai wakil rakyat tidak seharusnya dipersoalkan dari segi pemilikan harta yang diperoleh secara sah.

Usai bertemu dengan petugas media, beliau dan keluarganya bergerak meninggalkan bangunan ibu pejabat SPRM di sini pada jam 10.20 pagi.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman sebelum ini berkata, SPRM akan menyerahkan notis kepada Saravanan, isteri dan tiga anaknya supaya mengisytiharkan harta mereka dalam tempoh sebulan, manakala seorang lagi anaknya pada November kerana masih berada di luar negara.

Pada 28 Ogos lepas, Saravanan didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas tiga pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM1.097 juta berhubung kelulusan bagi permohonan 1,000 kuota pekerja asing untuk sebuah syarikat empat tahun lepas.

- Bernama

SINAR HAR
30.09.2026 (RABU)

Bekas CEO FIC berdepan dua pertuduhan perdaya nilai harga pasaran tanah



Mohd Zaid (tengah) ketika hadir di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada Selasa.

KUALA LUMPUR - Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Felda Investment Corporation (FIC) Sdn Bhd mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, pada Selasa, atas dua pertuduhan memperdayakan lembaga pengarah agensi kerajaan itu, 12 tahun lalu.

Ia berhubung pelantikan sebuah syarikat bagi projek cadangan pembangunan komersial serta nilai harga pasaran bagi 24 tanah di Bandar Kuala Lumpur dan Mukim Setapak.

Mohd Zaid Abdul Jalil, 55, yang memakai kemeja berwarna putih, membuat pengakuan itu selepas semua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Rosli Ahmad.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh sebagai CEO FIC ketika itu didakwa memperdayakan untuk mempercayai Synergy Promenade Sdn Bhd layak dilantik sebagai Project Delivery Partner-Master Developer bagi projek 'The Proposed Commercial Development On Felda Lots In Jalan Semarak, Kuala Lumpur'.

Perdayaan itu mendorong lembaga pengarah meluluskan pelantikan Synergy Promenade sedangkan mereka tidak akan berbuat demikian sekiranya tidak diperdayakan.

Kesalahan didakwa dilakukan di Bilik Mesyuarat Lembaga, Menara Felda, Persiaran KLCC, di sini, pada 16 Januari 2014.

Bagi pertuduhan kedua, Mohd Zaid didakwa memperdayakan lembaga pengarah dengan mempercayai penilaian harga pasaran 24 bidang tanah milik Felda untuk pembangunan komersial seperti dilaporkan Firdaus & Associates Property Professionals Sdn Bhd berjumlah RM330.96 juta.

Pertuduhan bagi kedua-dua kes dibuat mengikut Seksyen 417 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga lima tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Radzi Shah Ab Razak mencadangkan tertuduh diikat jamin RM50,000 bagi setiap pertuduhan.

Bagaimanapun peguam, Mohd Shahrullah Khan Nawab Zadah Khan yang mewakili tertuduh merayu kadar jaminan itu dikurangkan kerana anak guam sentiasa memberi kerjasama kepada SPRM.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM60,000 bagi semua pertuduhan dengan seorang penjamin dan memenuhi syarat tambahan seperti dicadangkan pihak pendakwaan.

Mahkamah turut menetapkan sebutan semula kes pada 29 Oktober depan.

HARIAN METR
30.09.2026 (RABU)

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

KERUGIAN UITM HOLDINGS SDN BHD

Bekas pegawai dicekup SPRM

Kuala Lumpur

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang bekas pegawai pengurusan tertinggi sebuah perbadanan, kelmarin kerana disyaki menyalahgunakan kedudukannya berkaitan pembayaran perbelanjaan operasi bernilai kira-kira RM42 juta.

Tangkapan itu dipercayai ada kaitan dengan siasatan berterusan SPRM terhadap isu kerugian jutaan ringgit yang dialami oleh UiTM Holdings Sdn Bhd (UiTM Holdings) pada 2023.

Lelaki yang berusia 50-an itu dilaporkan ditahan jam 1 tengah hari di kediamannya di sekitar Lembah Klang.

Menurut siasatan awal, bekas pegawai tertinggi terbabit dipercayai melakukan perbuatan itu pada 2017 dengan meluluskan atau membuat pembayaran bagi tujuan perbelanjaan operasi kepada beberapa syarikat.

Lebih mengejutkan, siasatan mendapati lelaki berkenaan disyaki mempunyai kepentingan peribadi secara langsung di dalam syarikat yang menerima dana jutaan ringgit berkenaan.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM Datuk Seri Abd Halim Aman ketika dihubungi mengesahkan penahanan berkenaan.

Beliau berkata, kertas siasatan dibuka dan kes kini disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009 atas kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan.

"Suspek dijangka akan dihadapkan ke mahkamah untuk proses pertuduhan pada Khamis ini (1 Oktober)," katanya.

Untuk rekod, pada awal 2023, UiTM Holdings adalah syarikat pelaburan milik penuh Universiti Teknologi MARA (UiTM), menjadi tumpuan umum susulan pendedahan dan laporan mengenai kerugian besar yang dialami oleh syarikat berkenaan.

Laporan pada ketika itu mendakwa anak syarikat universiti awam merekodkan kerugian terkumpul berjumlah jutaan ringgit bagi tempoh empat tahun berturut-turut yang mengundang kebimbangan pelbagai pihak berkaitan tata kelola dan pengurusan dana pelaburan Bumiputera.

Susulan pendedahan itu, SPRM memulakan siasatan komprehensif bagi meneliti pelbagai dokumen kewangan, transaksi pelaburan, serta profil syarikat berkenaan bagi mengenal pasti sebarang elemen ketirisan, penyelewengan, atau salah guna kuasa oleh pengurusan tertingginya.

BERITA HARIAN

30.09.2026 (RABU)



Kerugian pelaburan UiTM Holdings

Bekas pegawai tinggi UiTM Holdings kena dakwa esok

Suspek disyaki salah guna kuasa bagi pembayaran kira-kira RM42j kepada syarikat

Oleh Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seorang bekas pegawai pengurusan tertinggi UiTM Holdings Sdn Bhd ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki menyalahgunakan kuasa berkait isu kerugian pelaburan syarikat itu.

Difahamkan, suspek lelaki dalam lingkungan usia 50-an itu disyaki melakukan aktiviti berkenaan bagi urusan pembayaran perbelanjaan operasi sebanyak kira-kira RM42 juta kepada beberapa syarikat.

BH dimaklumkan bahawa suspek ditahan kira-kira jam 1 tengah hari kelmarin di kediamannya di Lembah Klang.

Ada kepentingan dalam syarikat

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman, ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

"Suspek dijangka didakwa pada Khamis ini (esok)," katanya.

Sementara itu, sumber berkata, hasil siasatan awal mendapati suspek disyaki melakukan perbuatan berkenaan pada 2017.

"Suspek dikatakan membuat pembayaran berkaitan perbelanjaan operasi kepada beberapa syarikat yang dipercayai dirinya ada kepentingan di dalam syarikat itu.

"Penahanan ini juga adalah susulan siasatan dijalankan SPRM berhubung beberapa isu membabitkan kerugian dialami UiTM Holdings pada 2023," katanya.